



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.33 SUBUH 4.43 SYURUK 6.06 DUHA 6.30 ZUHUR 12.19 ASAR 3.43 MAGHRIB 6.29 ISYAK 7.44 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tuton ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 65

29 MEI 2024 / 1445 ذو القعده 20

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU PERCUMA

مانیسٹ ایمان

"DAN janganlah sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh yang gugur syahid pada jalan Allah itu mati, mereka tidak mati bahkan mereka adalah hidup secara istimewa di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, ayat 169.



KOMITED KUKUHKAN HUBUNGAN, LINDUNGI ASPIRASI BERSAMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bersama Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos pada Majlis Persantapan Negara.
- Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 3).



Berita Utama



AGC-UBD : Tingkatkan kerjasama akademik bagi pembinaan kapasiti profesional

Muka 10



PENERBANGAN keempat bakal jemaah haji NBD selamat tiba di Madinah

Muka 11



MERIAHKAN Sambutan HUT ABDB Ke-63 pada 1, 2 Jun ini

Muka 17

Tingkatkan kerjasama rapat, baik dalam pelbagai bidang

Oleh: Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengadakan Majlis Perjumpaan dengan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. yang berlangsung di Cheradi Ratna Kenchana.

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bersama Tuan Yang Terutama ke Baitul Mesyuarah bagi menghadiri Mesyuarat Dua Hala.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah mengalu-alukan TYT Presiden Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Lawatan Negara buat julung kalinya, dengan Lawatan Negara berkenaan mencerminkan hubungan persahabatan yang kian lama

terjalin terutama sekali dalam kedua-dua buah negara menyambut ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik pada tahun ini.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah, menyentuh dalam memastikan keamanan dan kestabilan yang berterusan di Mindanao, baginda menegaskan kembali sokongan berterusan NBD kepada Kerajaan Filipina melalui Independent Decommissioning Body (IDB) bersama Norway dan Turkiye.

>> Muka 6

Tingkatkan hubungan kerjasama NBD, Republik Turkiye

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan


ISTANBUL, TURKIYE, Isnin, 27 Mei. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad telah membuat lawatan ke Republik Turkiye pada 23 hingga 25 Mei 2024 yang lalu.

Lawatan Yang Berhormat merupakan kesinambungan kepada Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

dan Republik Turkiye mengenai kerjasama kebudayaan dan juga protokol mengenai kerjasama antara Arkib Negara Brunei Darussalam dan Direktorat Arkib Negara bagi Pejabat Presiden Republik Turkiye.

MoU tersebut telah ditandatangani pada 7 Mac 2023, semasa Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 6 hingga 9 Mac 2023.

>> Muka 10



RENCANA

KEINDAHAN pohon Tekoma, seperti bercuti di luar negara

Muka 22

PPPBD berperanan berimpak signifikan pada komuniti

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmani Rahim

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya kita dapat sama-sama hadir dalam lawatan kerja saya ke Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) dan seterusnya mengadakan Mesyuarat Pertamanya bagi tahun ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua pada pagi ini.

Adapun tujuan pada pagi ini adalah bagi meninjau dengan lebih dekat lagi prasarana atau facilities dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di Ibu Pejabat Persatuan ini dan lebih-lebih lagi dapat berpeluang bersuai kenal dengan Ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri di samping mengetahui perkembangan Pandu Puteri secara amnya.

Saya berharap di kesempatan ini, kita akan dapat sama-sama berkongsi pendapat dan pandangan bagi meningkatkan dan memperbaikan lagi peranan PPPBD supaya ianya sentiasa tetap relevan dengan perkembangan masa dan keadaan.

perkembangan masa dan keadaan. Akhirnya, kita sebagai Persatuan, hendaklah memastikan peranan Pandu Puteri ini dapat memberikan impak yang significant kepada komuniti, terutama

sekali dalam memperkasa peranan wanita dan gadis di negara ini.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Saya berharap di kesempatan ini, kita akan dapat sama-sama berkongsi pendapat dan pandangan bagi meningkatkan dan memperbaikan lagi peranan PPPBD supaya ianya sentiasa tetap relevan dengan perkembangan masa dan keadaan.

Akhirnya, kita sebagai Persatuan, hendaklah memastikan peranan Pandu Puteri ini dapat memberikan impak yang significant kepada komuniti, terutama sekali dalam memperkasa peranan wanita dan gadis di negara ini.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Presiden Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Mesyuarat Pertama Bagi Tahun 2024 PPPBD bertempat di Ibu Pejabat PPPBD, Kampung Anggerek Desa, Bandar Seri Begawan pada Ahad, 26 Mei 2024M bersamaan 17 Zulkaedah 1445H.

WAKTU SEMBAHYANG

Mei MASIHI	HARI	Zulkaedah HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
29	RABU	20	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.43	6.29	7.44
30	KHAMIS	21	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.44	6.29	7.44
31	JUMAAT	22	4.32	4.42	6.06	6.30	12.19	3.44	6.29	7.45
1 Jun	SABTU	23	4.32	4.42	6.07	6.30	12.19	3.44	6.30	7.45
2	AHAD	24	4.33	4.43	6.07	6.31	12.19	3.44	6.30	7.45
3	ISNIN	25	4.33	4.43	6.07	6.31	12.19	3.45	6.30	7.45
4	SELASA	26	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.45	6.30	7.46

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
34 26 °C Pekan Bangar	34 27 °C Pekan Tutong	34 27 °C Kuala Belait
34 26 °C Wallahualam Bissawab	34 27 °C Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	34 27 °C www.met.gov.bn


NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جایتن فراغن، جایتن فرداً منtri دان دجیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Komite kukuhkan hubungan, lindungi aspirasi bersama



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Persantapan Negara.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Md. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Mei. - Hubungan kekal yang dinikmati Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Filipina di semua peringkat hari ini, benar-benar mencerminkan

sejarah dan pencapaian yang dikongsi, dimulakan dan dibina sejak pentadbiran mendiang Presiden Marcos Senior.

Sejak itu, kedua-dua negara telah bekerjasama rapat dalam

bidang pendidikan, kesihatan dan pertukaran rakyat dengan rakyat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan demikian pada Majlis Persantapan Negara bagi meraikan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos serta rombongan yang mengadakan Lawatan Negara selama dua hari ke negara ini.

Bahkan, NBD dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seterusnya komited untuk mengukuhkan lagi hubungan penting ini, untuk melindungi dan menjaga aspirasi bersama.

"Oleh itu, beta berbesar hati kerana dokumen-dokumen yang ditandatangani semasa lawatan Tuan Yang Terutama,

akan terus menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan kedua-dua buah negara yang berterusan," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Malah, baginda bertitah menegaskan perjanjian ini membuka jalan kepada kerjasama dalam sektor maritim, pertanian dan pelancongan, yang akan membawa manfaat yang besar untuk kedua-dua negara.

Bukan itu sahaja, Kebawah DYMM dalam titahnya juga menyatakan, NBD dan Republik Filipina telah menjalin kerjasama padu dalam inisiatif sub-serantau, khususnya BIMP-EAGA, mewujudkan perkongsian yang bermanfaat dalam tenaga, pertanian, perikanan dan isu-isu alam sekitar.

"Selain itu, kita juga bekerjasama rapat dalam ASEAN untuk memastikan sentralitinya relevan di rantau ini.

"Oleh itu, beta berharap dapat meneruskan kerjasama kita untuk memajukan usaha pembinaan komuniti ASEAN dalam

mempromosikan keamanan, keselamatan dan pembangunan serantau," titah baginda.

Dalam pada itu, Kebawah DYMM dalam titahnya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada TYT, kerajaan dan rakyat Republik Filipina yang akan menyambut Hari Kemerdekaan pada bulan depan.

"Duli Raja Isteri dan beta juga mendoakan agar, Tuan Yang Terutama dan First Lady Marcos, terus sihat dan bahagia serta untuk keamanan dan kemakmuran Republik Filipina dan seluruh rakyatnya.

"Dengan amat suacita beta dan Duli Raja Isteri mengucapkan selamat datang kepada Tuan Yang Terutama dan First Lady Marcos, dalam Lawatan Negara pertama Tuan Yang Terutama ke Negara Brunei Darussalam," titah baginda lagi.

Kunjungan ini, titah baginda adalah bukti persahabatan yang kukuh dan hubungan rapat sejak hubungan diplomatik kedua-dua negara terjalin 40 tahun yang lalu.

"Beta juga sangat mengingati lawatan pertama Tuan Yang Terutama ke negara ini pada tahun 1984, semasa Tuan Yang Terutama menemani mendieng ayah Tuan Yang Terutama, Presiden Marcos Senior, semasa sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam julung kalinya," titah baginda lagi.

MAJLIS PERSANTAPAN NEGARA SEMPENA LAWATAN NEGARA PRESIDEN REPUBLIK FILIPINA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Negara bagi meraikan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos serta rombongan yang mengadakan Lawatan Negara selama dua hari ke negara ini (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji

Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli



Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum



Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, malam tadi berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Negara bagi meraikan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos serta rombongan yang mengadakan Lawatan Negara selama dua hari ke negara ini.

>> Muka 4

SEKITAR Majlis Persantapan Negara (kiri dan kiri sekali).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa berkenan mengurniakan titah pada Majlis Persantapan Negara yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

>> Muka 3

Berangkat sama ke Majlis Persantapan Negara tersebut ialah ahli-ahli kerabat diraja.

Juga hadir semasa Majlis Persantapan Negara tersebut ialah rombongan Republik Filipina.

Majlis Persantapan Negara dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri

Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya berkenan mengurniakan titah.

Ini diikuti dengan sembah ucapan balas daripada Tuan Yang Terutama Presiden Republik

Filipina.

Dalam ucapan balas TYT Presiden Republik Filipina antara lain melahirkan rasa syukur ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas undangan baginda kepada beliau dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos serta rombongannya dalam Lawatan Negara ini.

Malah, TYT Presiden Republik

Filipina juga melahirkan ucapan terima kasih ke hadapan Majlis Kebawah DYMM, kerabat diraja baginda serta rakyat baginda atas keramahan yang ditunjukkan kepada TYT dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos serta rombongannya dalam Lawatan Negara tersebut.

Bukan itu sahaja, menurut TYT, ia juga mencerminkan hubungan

berkekalan di antara kedua-dua buah negara iaitu Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina.

Dalam pada itu, TYT juga mengongsikan pada tahun ini meraikan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik kedua-dua buah negara.

Majlis Persantapan Negara tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.



TUAN Yang Terutama Presiden Republik Filipina semasa menyembahkan ucapan balas (atas kiri). Sementara gambar atas, Kebawah DYMM bersalaman erat bersama TYT Presiden Republik Filipina.

DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (bawah). Manakala gambar kanan dan kanan sekali, antara yang hadir pada Majlis Persantapan Negara.



KEBAWAH DYMM semasa berbual mesra dengan TYT Presiden Republik Filipina (kiri sekali). Manakala gambar kiri, Kebawah DYMM dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri melambai mesra TYT Presiden Republik Filipina bersama isteri sejurus Majlis Persantapan Negara.

NBD, REPUBLIK FILIPINA MEMETERAI 3 MOU, 1 PERTUKARAN DOKUMEN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman erat dengan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan Majlis Penandatanganan bagi tiga Memorandum Persefahaman (MoU) dan satu Pertukaran Dokumen di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Republik Filipina.

Majlis Penandatanganan tersebut juga turut disaksikan oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

R. Marcos Jr.

MoU pertama ialah Memorandum of Understanding on Maritime Cooperation dan Majlis Penandatanganan tersebut disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dan Secretary, Department of Foreign Affairs, Honourable Enrique A. Manalo, bagi pihak Kerajaan Republik Filipina.

Sementara MoU kedua, iaitu Memorandum of Understanding on the Recognition of the Certificate Issued Under the Provisions of the International Convention on Standards of Training, Certification and Watchkeeping for Seafarers, 1978 as Amended.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, manakala bagi pihak Kerajaan Republik Filipina diwakili oleh Secretary, Department of Transportation, Honourable Jaime J. Bautista.

Manakala MoU ketiga ialah Memorandum of Understanding

on Tourism Cooperation dan menandatangi bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, sementara pihak Kerajaan Republik Filipina diwakili oleh Secretary, Department of Tourism, Honourable Maria Esperanza Christina Frasco.

Akhir sekali, kedua-dua pemimpin menyaksikan Majlis Pertukaran bagi Letter of Intent to Pursue Further Agricultural Cooperation antara Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, bagi mewakili pihak Kerajaan Kebawah DYMM dan Secretary, Department of Agriculture, Honourable Francisco Tiu Laure Jr., mewakili pihak Kerajaan Republik Filipina.

Turut menyaksikan Majlis-majlis Penandatanganan dan Pertukaran Dokumen tersebut ialah paduka anakanda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Majlis Penandatanganan MoU berlangsung di Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman.



SEKITAR Majlis Penandatanganan bagi tiga Memorandum Persefahaman dan satu Pertukaran Dokumen di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kerajaan Republik Filipina (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



TINGKATKAN KERJASAMA RAPAT, BAIK DALAM PELBAGAI BIDANG



Oleh: Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Semasa mesyuarat tersebut, Kebawah DYMM dan TYT telah berbincang mengenai kerjasama rapat dan baik dalam bidang perdagangan, pertahanan, pendidikan, kesihatan dan pertukaran antara rakyat.

Antara lainnya, Kebawah DYMM juga menyambut baik kerjasama antara Jerudong Park Medical Centre (JPMC) dan Far Eastern University dalam penubuhan JPMC College of Health Science di NBD pada 2022, dan baginda seterusnya menzahirkan penghargaan atas sumbangan rakyat Filipina yang meliputi pelbagai sektor dalam pembangunan sosioekonomi NBD.

Dalam pada itu, kedua-dua pemimpin juga gembira dengan pemeterian beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) semasa Lawatan Negara ini termasuk dalam bidang maritim, pelancongan dan pertanian, yang akan dapat memupuk kerjasama dan persefahaman yang lebih mendalam antara kedua-dua buah negara.

Di samping itu, kedua-dua pemimpin bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama termasuk kepentingan

menegakkan undang-undang antarabangsa, perkembangan di Myanmar, Palestin-Israel, dan Laut China Selatan.

Menyentuh mengenai ASEAN, Kebawah DYMM menggariskan kepentingan untuk memastikan ASEAN Centrality kekal relevan bagi memelihara keamanan dan keselamatan secara mampan di rantau ini.

Dalam hal ini, kepimpinan Filipina dalam penyelarasan Hubungan Dialog ASEAN-EU

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada Majlis Perjumpaan dengan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. yang berlangsung di Cheradi Ratna Kenchana (atas dan atas kiri).

selama tiga tahun yang lalu adalah sangat dihargai.

Baginda turut menzahirkan penghargaan terhadap penandatanganan Establishment Agreement for the ASEAN Centre for Climate Change oleh pihak Filipina dan seterusnya mengalakukan ratifikasi dan pelaksanaan perjanjian berkenaan.

Terdahulu, TYT semasa menyampaikan ucapan

pembukaan menghargai hubungan rapat antara kedua-dua buah negara dan perkembangan dalam hubungan dua hala yang telah dibentuk oleh Kebawah DYMM dan mantan Presiden Republik Filipina, mendiang Marcos Sr.

TYT seterusnya menekankan bahawa NBD dan Republik Filipina mempunyai hubungan kerjasama yang sangat baik termasuk

semasa krisis, sambil menambah Lawatan Negara ini merupakan penghormatan kepada 40 tahun hubungan persahabatan yang dipupuk melalui kepercayaan dan persefahaman bersama.

TYT juga menyambut baik pemeterian beberapa MoU semasa Lawatan Negara ini ke arah mengukuhkan lagi persahabatan dan hubungan dua hala sedia ada.



KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan titah pada Mesyuarat Dua Hala di Baitul Mesyuarah (atas). Manakala gambar kanan dan bawah, sekitar mesyuarat berkenaan.



BERANGKAT MENGALU-ALUKAN KETIBAAN PRESIDEN REPUBLIK FILIPINA



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin bin Mohd. Noor /
Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ak. Mohd.
Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal



Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat mengalu-alukan ketibaan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos serta rombongan (kiri sekali dan kiri).

Anak Haji Mohamed Alam, hari ini berkenan menerima mengadap Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos serta rombongan.

>> Muka 9



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina semasa memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berbual mesra bersama TYT Presiden Republik Filipina dan isteri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia disembahkenalkan kepada ahli-ahli rombongan TYT Presiden Republik Filipina (atas). Manakala gambar atas kiri, TYT Presiden Republik Filipina diperkenalkan kepada Pembesar-pembesar Negara.

SEBANYAK 21 das tembakan meriam dilepaskan semasa Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara (kiri sekali). Sementara gambar kiri, para pelajar yang turut serta mengibarkan bendera negara di sepanjang jalan menuju ke Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina dan isteri di Cheradi Laila Kenchana.

>> Muka 1

Terdahulu sebelum itu, paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat ke Istana Edinburgh bagi mengalaukan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina dan isteri dan seterusnya berangkat bersama-sama menuju ke Istana Nurul Iman.

Di perkarangan Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat mengalau-alukan ketibaan TYT Presiden Republik Filipina dan isteri dan seterusnya sama-sama naik ke Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat diiringi dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara dan 21 das tembakan meriam.

Kedua-dua pemimpin kemudiannya beredar memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Majlis Sambutan Negara diteruskan dengan TYT Presiden Republik Filipina dan isteri diperkenalkan kepada ahli-ahli kerabat diraja; Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria; Penasihat Khas Kebawah DYMM; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Ketua-

ketua Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; dan Setiausaha-setiausaha Tetap dari JPM dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudian disembahkenalkan kepada ahli-ahli rombongan TYT Presiden Republik Filipina.

Selesai Majlis Sambutan Negara, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat bersama TYT Presiden Republik Filipina dan isteri ke Cheradi Laila Kenchana bagi Majlis Mengadap.

Berangkat sama ke Majlis Mengadap tersebut ialah ahli-ahli kerabat diraja.

Juga hadir ialah rombongan Republik Filipina.



KEBAWAH DYMM berkenan berbual mesra bersama TYT Presiden Republik Filipina (atas). Manakala gambar bawah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), selaku wakil peribadi Kebawah DYMM dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Istana Edinburgh bagi mengalau-alukan TYT Presiden Republik Filipina dan isteri.



BERANGKAT sama pada Majlis Mengadap berkenaan ialah ahli-ahli kerabat diraja (atas dan bawah).



PRESIDEN REPUBLIK FILIPINA TIBA BAGI LAWATAN NEGARA

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Menteri Pengiring hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos. Turut mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina dan isteri ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan (atas kiri dan bawah kiri). Sementara gambar atas kanan, Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina dan isteri semasa melintasi Kawalan Statik yang terdiri daripada anggota ABDB.



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Mei. - Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos serta rombongan selamat tiba di negara ini bagi memulakan Lawatan Negara selama dua hari bermula hari ini.

Ketibaan TYT Ferdinand R. Marcos Jr. dan First Lady Louise Araneta-Marcos di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas, di sini, dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman selaku Menteri Pengiring dan isteri; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan isteri; Menteri Pembangunan,

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan isteri.

Juga hadir bagi mengalu-alukan ketibaan TYT dan isteri ialah Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hamblang dan isteri; dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan isteri.

Sejurus tiba, TYT Presiden Republik Filipina dan isteri diperkenalkan kepada Yang Berhormat Menteri Pengiring dan isteri; Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Pemerintah ABDB berserta isteri masing-masing dan seterusnya melintasi Kawalan Statik yang terdiri daripada anggota

ABDB.

Dalam pada itu, Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina sememangnya mempunyai hubungan persahabatan tradisi yang lama dan telah diperkuuh lagi dengan termeterainya hubungan diplomatik yang dicapai pada 1984.

Melalui persahabatan yang berkembang, kerjasama kedua-dua buah negara dalam pelbagai bidang telah mencapai kemajuan yang membawa hasil serta manfaat yang ketara bagi rakyat masing-masing, selain menyumbang kepada keamanan, kestabilan dan makmuran di rantau ini.

Malah, hubungan kedua-dua buah negara merupakan satu contoh yang baik mengenai kesaksamaan, hubungan kerjasama yang bermanfaat dan keharmonian yang diwujudkan bersama.

Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei terima lawatan First Lady Louise Araneta-Marcos



ISTERI Presiden Republik Filipina, First Lady Louise Araneta-Marcos semasa mengadakan lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Bandar Seri Begawan (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Mei. - Isteri Presiden Republik Filipina, First Lady Louise Araneta-Marcos tengah hari tadi mengadakan lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Bandar Seri Begawan, di sini.

Ketibaan First Lady Louise Araneta-Marcos dialu-alukan oleh Timbalan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Dato Paduka Awang Haji Rosli bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Md. Salleh.

Lawatan disertai oleh Pemangku Pengarah Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Dayangku Azlina binti Pengiran Haji Aji yang memberikan penerangan kepada First Lady Louise Araneta-Marcos semasa lawatan berkenaan. Semasa lawatan tersebut, First

Lady Louise Araneta-Marcos berkesempatan untuk menyaksikan hasil dan cara pembuatan tangan anak-anak tempatan seperti pembuatan kain songket dan sinjang, seni ukir dan tasbih serta batik. Hasil daripada pembuatan songkok, anyaman dan keris juga

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

menarik perhatian rombongan.

First Lady Louise Araneta-Marcos seterusnya menandatangani Buku Pelawat, diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei ditubuhkan pada September 1975, bertempat di Kampung Perpindahan Berakas kira-kira 8 kilometer dari Bandar Seri Begawan dan dipindahkan ke bangunan baharu yang terletak di Bandar Seri Begawan pada 1 Januari 1984.

Bangunan ini telah dibuka rasmi oleh Al-Mahrum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien bersempena dengan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.

Mulai 1 April 2006, pentadbiran Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei adalah di bawah Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

TINGKATKAN HUBUNGAN KERJASAMA NBD, REPUBLIK TURKIYE

>> Muka 1

Semasa lawatan ke Republik Turkiye, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan perjumpaan bersama Menteri Belia dan Sukan, Tuan Yang Terutama Osman Aşkin Bak

dan Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Republik Turkiye, Yang Mulia Dr. Serdar Çam.

Semasa perjumpaan-perjumpaan tersebut, Yang Berhormat telah bertukar-tukar pandangan dan seterusnya membincangkan peluang-peluang kerjasama yang

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa membuat lawatan ke Republik Turkiye pada 23 hingga 25 Mei 2024.

akan diterokai dengan tujuan meningkatkan lagi hubungan kerjasama kedua buah negara.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga berkesempatan mengadakan lawatan ke beberapa tapak warisan dan tempat bersejarah di Ankara dan Istanbul bagi meninjau dan mengetahui dengan lebih lanjut usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan tapak-tapak berkenaan.

Antara tempat yang dilawat ialah Anitkabir dan Muzium Etnografi

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa mengadakan lawatan di salah satu tapak warisan dan tempat bersejarah.



Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

di Ankara, manakala semasa di Istanbul, Yang Berhormat telah melawat Istana Topkapi, Hagia Sophia, Muzium Arkeologi Istanbul. Yang Berhormat juga telah mengadakan lawatan ke Masjid Sultanahmet dan Masjid Çamlıca dan meninjau ke Pejabat Direktorat Arkib Negara, Istanbul.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan disertai oleh Duta Besar dan Mutlak Negara Brunei Darussalam

ke Republik Turkiye, Puan Yang Terutama Noni Zurainah binti Haji Ismi; Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan dan pegawai-pegawai daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Rombongan Yang Berhormat juga disertai oleh Pengarah Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

AGC-UBD : Tingkatkan kerjasama akademik bagi pembinaan kapasiti profesional



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERIBEGAWAN, Selasa, 28 Mei. - Pejabat Peguam Negara (The Attorney General's Chambers - AGC) dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD) hari ini menganjurkan Majlis Pelancaran Buku dan Simposium bertempat di Dewan Jubli Emas, Bangunan Undang-undang dan Mahkamah-mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib.

Juga hadir ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle; Peguamcara Negara, Dayang Hajah Zuraini binti Haji Sharbawi, serta pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara, pelbagai agensi jabatan kerajaan, persatuan undang-undang, The Brunei Darussalam Arbitration Centre dan UBD.

Terdahulu, Yang Berhormat

dalam ucapannya berkata, hari ini kita meraikan kejayaan penerbitan buku 'Corruption and Illegality in ASIAN Investment Arbitration'.

"Buku ini merupakan sebuah himpunan artikel oleh pakar-pakar dalam bidang pelaburan penting ini.

"Ini adalah penerbitan pertama yang mengupas mengenai isu rasuah dan kesannya terhadap pertikaian pelaburan.

"Dua bidang ini merupakan keutamaan penting bagi AGC," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, isu-isu berkaitan dengan Pertikaian Pelabur Negara (Investor State Dispute) biasanya memberi tumpuan kepada kekurangan ketelusan, konflik kepentingan, persepsi kecenderungan arbitrators, dan ketidakseimbangan dalam keputusan.

"Dengan itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada UBD atas inisiatif ini yang menawarkan sudut pandang yang berbeza dalam bidang ini," ujar Yang Berhormat.

Buku ini jelas Yang Berhormat lagi, menyajikan maklumat komprehensif dan terkini mengenai peraturan anti rasuah, menggambarkan pendekatan Asia terhadap rasuah dan perlakuan haram dalam pelaburan arbitrase, selain meneroka isu ekonomi dan undang-undang dalam rasuah dan arbitrase.

Dalam hal ini tambah Yang Berhormat, sebagai peguam, pelajar, akademik, pembuat dasar, agensi penguatkuasaan dan pengamal undang-undang, ini akan menjadi rujukan penting.

Yang Berhormat seterusnya melahirkan harapan dan keyakinan

YANG Berhormat Peguam Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Buku dan Simposium bertempat di Dewan Jubli Emas (kiri dan kanan).

bahawa hubungan antara AGC dan UBD akan terus berkembang, terutamanya dalam membentuk dan meningkatkan kapasiti generasi masa depan kita.

Melalui kerjasama ini tambah Yang Berhormat, AGC tetap komited untuk berbincang dan berkongsi pengetahuan dengan pihak berkepentingan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Acara diteruskan dengan Majlis Pelancaran Buku oleh tetamu kehormat majlis diikuti dengan syarahan ucaptama yang disampaikan oleh Dr. Michael Hwang, seorang Peguamcara dan Arbitrator dari Republik Singapura.

Majlis kemudian diteruskan dengan simposium yang dibahagikan kepada dua sesi, iaitu sesi pertama membincangkan mengenai 'Economy of Corruption in FDI in Asia – Helping hand or grabbing hand?'.

Manakala sesi kedua pula membincangkan mengenai 'Corruption and Asian ISDS'.

Kerjasama antara AGC dan UBD tersebut antara lain membantu meningkatkan kerjasama akademik dengan tujuan untuk menyumbang kepada pembinaan kapasiti para profesional di negara ini.

Buku yang mempunyai judul yang sama diterbitkan sebagai sebahagian daripada Siri Buku Asia dalam Transisi IAS (UBD) - Springer.



AKTIVITI SEMPENA SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2024

PAMERAN MANIK : 1000 TAHUN
18 MEI - 18 OGOS 2024
RUANG LEGAR, MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM

SIRI ARKEOLOGI
25 MEI, 29 JUN & 6 JULAI 2024
MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM

KENALI ARKEOLOGI
23 & 29 MEI, 20 & 27 JUN, 6 & 25 JULAI & 1 OGOS 2024
MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM

www.museums.gov.bn

Jabatanmuziummuzeumbrunei Jabatan Muzium-Muzium Brunei JabatanMuziumBrunei

Penerbangan keempat bakal jemaah haji NBD selamat tiba di Madinah



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Mei. - Penerbangan keempat bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) yang menggunakan pesawat Diraja Brunei (Royal Brunei) BI4207 membawa seramai 252 orang telah selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohammed bin Abdulaziz, Madinah pada Ahad, 26 Mei 2024, jam 2.45 petang waktu Madinah.

Penerbangan keempat ini membawa seramai 249 orang bakal jemaah haji negara, iaitu 116 lelaki dan 133 perempuan

mengikuti Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd (DSSB).

Turut mengiringi bakal jemaah haji bagi penerbangan keempat tersebut ialah tiga orang Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan) iaitu seorang lelaki dan dua perempuan.

Hadir bagi menyambut ketibaan jemaah haji NBD ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Arab Saudi di Riyadh, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid; Pemangku Konsul Agung NBD di Jeddah, Awang Haji Farhan bin Pehin Orang Kaya

Putera Maharaja Dato Paduka Haji Abdul Ghani; Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD; Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan), Dr. Haji Mohd Athaillah bin Haji Abdullah; dan pegawai-pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Pentadbiran dan Perubatan); serta dari Syarikat DSSB.

SUASANA sekitar di Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohammed bin Abdulaziz, Madinah (atas dan kanan).

LUPA TOKEN PSCR 2.0?

CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

WhatsApp Talian Perhubungan (+673 7371961)
atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



BANTU MERINGANKAN BEBAN MANGSA



PEMANGKU Pengarah Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit semasa hadir pada majlis berkenaan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Isnin, 27 Mei. - Dalam membantu meringankan beban mangsa-mangsa kebakaran rumah dan rumah roboh, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal menyerahkan agihan wang zakat kepada mangsa-mangsa kebakaran rumah di Kampung Setia 'B' dan rumah roboh di Kampung Peramu.

Penyerahan agihan zakat bencana alam tersebut telah disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Urusan Zakat, Waqaf dan

Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit kepada seramai 78 orang mangsa kebakaran rumah dan tujuh orang mangsa rumah roboh.

Majlis penyerahan diadakan petang tadi di Dewan Multaqa, KHEU, Jalan Dewan Majlis. Jumlah keseluruhan wang zakat yang diserahkan adalah sebanyak BND18,000 diambil daripada peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin.

Setiap seorang menerima sebanyak BND200 dan ditambah dengan Agihan Persekutuan BND100 bagi setiap anak yang bersekolah. Kejadian kebakaran memusnahkan sembilan buah rumah dan sebuah rumah lagi musnah dalam kejadian rumah roboh pada 11 Mei 2024 yang lalu.

Dengan penyerahan agihan zakat itu diharap akan dapat meringankan sedikit sebanyak beban yang ditanggung oleh mangsa-mangsa dan semoga mereka akan cekal bersabar dalam menempuh musibah sebegini.



PEMANGKU Pengarah Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, KHEU semasa menyerahkan agihan zakat bencana alam kepada para penerima (atas dan bawah).



دعا ممohen كهد الله سقاي قرسلامة درقد بلاء دان سكل جنیس چپاکیت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلٰى آٰلِهٖ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلٰهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ 『3 کالی』.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللّٰهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ 『3 کالی』.

بِسْمِ اللّٰهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
الْسَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ 『3 کالی』.

بِسْمِ اللّٰهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللّٰهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ.

بِسْمِ اللّٰهِ عَلٰى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللّٰهِ عَلٰى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللّٰهِ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللّٰهِ حَيْرُ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللّٰهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللّٰهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءَ. بِسْمِ اللّٰهِ أَفْتَخَنَاهُ وَبِاللّٰهِ
أَخْتَمَنَا وَعَلٰى اللّٰهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَاهُ بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَنَّوْتِ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلٰى الْحَمِيْرِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللّٰهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللّٰهُمَّ اصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَهِيْعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقِنَا شَرَّ الْرَّذْدِي بِلْطْفِكَ يَا طَيْفُ يَا حَبِّرُ إِنَّكَ عَلٰى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ 『3 کالی』.

وَصَلَّى اللّٰهُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آٰلِهٖ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahanatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نُومٌ لَمَّا فَاتَ السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَاذِي يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفُهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعْ كُرْسِيهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا يَئُودُهُ حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعَقْدُ، وَتَنْقَرُّ بِهِ الْكُرْبُ، وَتَقْضِي بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى بِالْعَمَامُ بِوِجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَعْنَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapaihlah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْلَامِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فِيَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يع مباوا كبر او نتو عن ساعت بسر كقد قع عملن (تولق بلاء)

(1)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأَفْوَضُ أَمْرِيْ إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Tajuk Tawaran:
Tawaran Enam (6) Bulan Kontrak Penggal Bagi Pembekalan Alat-Alat Pembersihan Bagi Seksyen Keindahan Dan Kebersihan, Bahagian Perbandaran Dan Kebersihan

Bilangan Tawaran:
JBBB / SH / 2024-2025 / 24 / BPPK / 16

Tarikh Tawaran:
30 Mei 2024 - 13 Jun 2024

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 13 Jun 2024
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
Mod Approved Lift Contractor

Kategori:
KPME02

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
4 Jun 2024 (Selasa)

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-LE / 08 / 2024

Nama Projek:
Pemeliharaan Lif 'Schindler' Di Bangunan-Bangunan Kerajaan Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
18 Jun 2024 (Selasa)
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDT / UTS / HK-78 / 2024 / 09

Tajuk Tawaran:
Repair And Repainting Works To Royal Dais, VVIP Grandstand (Wing A And Wing B), Medic Building And Toilet Block at Jalan Pengiran Ahmad, Tutong

Bilangan Tawaran:
JDT / UTS / HK-78 / 2024 / 10

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Mengganti Distribution Board Di Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong, Jalan Sungai Basong, Tutong, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Sabtu, 15 Jun 2024
Jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDT / UTS / HK-78 / 2024 / 08

Tajuk Tawaran:
Sebut Harga Bagi Menyediakan dan Membekal Persantapan / Perjamuan Semasa Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-78 Tahun Bagi Daerah Tutong

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Sabtu, 15 Jun 2024
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Jabatan Kemajuan Pelancongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 07

Tajuk Tawaran:
"To Design, Provide Copywriting, Editorial, Printing And Delivery; And The Provision Of Training Video Of The Tour Guide Trails Handbook For Luagan Lalak Recreational Park"

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 6 Jun 2024
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Tawaran Kastam
Bil. 06 / 2024**

Tawaran Bagi Penempahan Treler Baharu Untuk Bot-Bot Milik Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa, 11 Jun 2024
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II & III

Kategori :
B01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 11 Jun 2024

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 21 / CQS / 2024-T / II

Nama Projek:
Menaik Taraf Jambatan Pejalan Kaki Yang Berhubung Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer dan Jambatan Pejalan Kaki Perumahan Lorong Sikuna

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
25 Jun 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibuka Kepada 'Consultant Special Category With Hydrographic Assesment Expertise'

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 4 Jun 2024

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 20 / CQS / 2024-T / II

Nama Projek:
Kajian-Kajian Cadangan Pembinaan Slipway Di Kampung Menungkol Daerah Brunei Muara

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 18 Jun 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Notis Iklan Lelong

Tarikh Mula :
27 Mei 2024

Tarikh Melihat, Membeli Dan Menghantar Borang Tawaran (Waktu Bekerja) :

Isnin Hingga Khamis :
8.30 Paggi Hingga 11.30 Paggi
1.30 Petang Hingga 3.00 Petang

Sabtu:
8.30 Paggi Hingga 10.30 Paggi
Petang : Tutup

Tarikh Tutup Menghantar Borang Tawaran Ke Dalam Peti Tawaran:
8 Jun 2024 Sebelum
Jam 9.00 Paggi (Sabtu)

(Tidak Dibenarkan Membeli Borang Tawaran)

Keterangan:
Peralatan-Peralatan Penghawa Dingin Dan Chiller

Bertempat:
Tempat Penyimpanan Besi Buruk Kerajaan, J.K.R.
Jalan Bengkurong, Masin

Hanya dibuka kepada syarikat-syarikat kitar semula yang berdaftar di bawah Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(III & IV Sahaja)

Kategori:
[KA01 / P02 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa, 4 Jun 2024

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 014 / 2024

Nama Projek:
Penyediaan Perkhidmatan Untuk Persampelan Air Dan Analisis Makmal Bagi Makmal Tasek Air Di Bawah Jabatan Perkhidmatan Air, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Tarikh Tutup :
Selasa 18 Jun 2024
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
PELANCONGAN**

JPt / TAW / 05 / 2024 – 2025 :
Improvement And Upgrading Of KKP Tungku Domestic Water Supply.

(Yuran Tawaran: BND100.00 /
Borang Tawaran: BND15.00)

Tarikh Mula Tawaran:
Selasa, 21 Mei 2024.

Tarikh Tutup :
Selasa, 25 Jun 2024

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(VI Sahaja)

Kategori:
[KA01 / KPB04 / M03 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
4 Jun 2024

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 015 / 2024

Nama Projek:
Membekal Dan Memasang Paip Air Inlet Baru Ke Tangki Simpanan Lumapas 2, Daerah Brunei Muara

Yuran Tawaran :
BND1,000.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

Tarikh Tutup :
Selasa, 18 Jun 2024
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 / T / BKS / 001 [JPPK/LTN/02/2024]
Proposed Design & Build Of New Garages For Royal Brunei Land Force

Tarikh Mula Tawaran:
27 Mei 2024

Kelas:
IV dan ke Atas Sahaja

Kategori:
KA01 atau B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sepuluh (10) Bulan

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 18 Jun 2024

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 25 Jun 2024
Jam 2.00 Petang

**JABATAN BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI**

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
JBT / S / 03 / 2024-2025

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Kecil dan Mencat Bangunan Gerai Selera Tutong, Jalan Menteri Taib, Pekan Tutong

Bilangan Tawaran:
JBT / S / 04 / 2024-2025

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Aset-Aset Jabatan Bandaran Tutong (Banglo JKR No. 82 & 83 Kelas 'F', Jalan Sungai Basong.

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 12 Jun 2024
Jam 2.00 Petang

**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 02 / 2024

Tajuk Tawaran:
Quotation To Lay New Tiles At Dewan Jabatan Daerah Belait, Kawangan Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00

Kelas :
I Dan II

Kategori:
KA01 dan B01

Tarikh Tutup:
4 Jun 2024
(Selasa)




PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKU MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

Sembahyang Sunat Qabliyyah Jumaat Di Tanah Haram



(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SEMBAHYANG sunat Rawatib itu antaranya ialah sembahyang sunat yang mengiringi sembahyang fardhu. Jika dilakukan sebelum mendirikan sembahyang fardhu ia disebut sebagai sembahyang sunat Qabliyyah, manakala jika dilakukan selepas sembahyang fardhu ia disebut sebagai sembahyang sunat Ba'diyah.

Sembahyang sunat Rawatib juga sunat dikerjakan bagi sembahyang fardhu Jumaat. Sembahyang sunat Rawatib bagi sembahyang fardhu Jumaat adalah sama kedudukannya dengan sembahyang sunat Rawatib bagi sembahyang fardhu Zuhur, iaitu empat rakaat bagi sembahyang sunat Qabliyyah dengan dua rakaat daripadanya adalah sunat *mu'akkadah* (sangat dituntut), dan empat rakaat bagi sembahyang sunat Ba'diyah dengan dua rakaat daripadanya adalah sunat *mu'akkadah* (sangat dituntut).

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Minhaj ath-Thalibin*, masuk waktu bagi mengerjakan sembahyang sunat Rawatib Qabliyyah ialah dengan masuk waktu sembahyang fardhu. Manakala masuk waktu bagi mengerjakan sembahyang sunat Rawatib Ba'diyah ialah setelah mengerjakan sembahyang fardhu. Sembahyang sunat Rawatib Qabliyyah dan Ba'diyah itu berakhir waktunya dengan berakhir waktu sembahyang fardhu.

Walau bagaimanapun, apa yang ingin diberikan perhatian di sini khususnya bagi para jemaah yang akan melaksanakan ibadat haji dan umrah ialah mengenai laungan azan sembahyang fardhu Jumaat di Makkah dan Madinah. Azan pertama bagi waktu Jumaat dilaungkan kira-kira 30 minit sebelum masuk waktu. Manakala azan kedua pula dilaungkan setelah masuk waktu Jumaat dan khatib telah duduk di atas mimbar untuk berkhotbah setelah selesai azan dilaungkan. Timbul persoalan, bilakah masa yang sesuai untuk seseorang itu mengerjakan sembahyang sunat Qabliyyah Jumaat di Tanah Haram? Oleh yang demikian, Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenai sembahyang sunat Qabliyyah Jumaat di Tanah Haram.

Dua Azan Sembahyang Fardhu Jumaat
Menurut as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya *I'anah ath-Thalibin*, pada dasarnya melaungkan azan pertama, iaitu azan yang dilaungkan sebelum khatib duduk di atas mimbar, hukumnya adalah harus dan bukan sunat. Walau bagaimanapun, menurut Imam al-Malibari *Rahimahullah* dalam kitabnya *Fath al-Mu'in*, jika terdapat keperluan atau hajat untuk melaungkan azan pertama itu seperti

mereka akan segera hadir dengan laungan azan pertama, maka sunat hukumnya melaungkan azan pertama kerana ada hajat tersebut. Manakala melaungkan azan kedua, iaitu azan yang dilaungkan setelah khatib duduk di atas mimbar, hukumnya adalah sunat.

Melaungkan azan sebanyak dua kali pada waktu Jumaat ada disebut dalam hadits daripada as-Sa'i bin Yazid *Radhiyallahu 'anhru*, beliau berkata:

Maksudnya: Sesungguhnya azan pada hari Jumaat, pada mulanya (dilaungkan) ketika imam hari Jumaat duduk di atas mimbar pada zaman Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam dan (zaman Khalifah Sayyidina) Abu Bakr dan (Khalifah Sayyidina) 'Umar Radhiyallahu 'anhuma. Lalu pada ketika (zaman) Khalifah (Sayyidina) 'Utsman Radhiyallahu 'anhru dan (penduduk Madinah semakin) ramai, (Sayyidina) 'Utsman memerintahkan pada hari Jumaat (untuk dilaungkan) azan ketiga, maka dilaungkan azan (ketiga) dengannya (perintah Sayyidina 'Utsman Radhiyallahu 'anhru) di az-Zaura' (suatu tempat dalam suatu pasar di kota Madinah). Maka perkara tersebut berterusan sedemikian.

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Menurut Imam Ibn Hajar al-'Asqalani *Rahimahullah* dalam kitabnya *Fath al-Bari* ketika mensyarah hadits di atas, maksud 'azan ketiga' yang disebut dalam hadits tersebut ialah azan yang ditambah iaitu azan sebelum azan yang dilaungkan ketika imam telah duduk atas mimbar dan iqamah yang juga disebut sebagai azan sepertimana dalam riwayat Waki' bin Ibn Abu Dzi'b *Rahimahullah*, as-Sa'i bin Yazid *Radhiyallahu 'anhru* berkata:

Maksudnya: Azan (yang dilaungkan) pada zaman Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam dan (zaman Khalifah Sayyidina) Abu Bakr dan (Khalifah Sayyidina) 'Umar Radhiyallahu 'anhuma adalah dua azan pada hari Jumaat.

(Hadits riwayat Ibn Khuzaimah)

Imam Ibn Khuzaimah *Rahimahullah* dalam kitabnya *Shahih Ibn Khuzaimah* juga ada menjelaskan bahawa azan dan iqamah itu dipanggil sebagai dua azan.

Menurut Imam Ibn Hajar al-'Asqalani *Rahimahullah* lagi, maksud 'perkara tersebut berterusan sedemikian' ialah pelaksanaan azan tambahan sebagaimana yang dilakukan oleh Sayyidina 'Utsman Radhiyallahu 'anhru itu menjadi pegangan orang ramai di seluruh negeri kerana menuruti perintah beliau sebagai Khalifah pada ketika itu.

Menurut as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya *I'anah ath-Thalibin* pula, Sayyidina 'Utsman Radhiyallahu 'anhru mengadakan azan pada waktu Jumaat sebanyak dua kali atas dasar terdapatnya hajat pada ketika zaman pemerintahannya iaitu bilangan penduduk yang semakin ramai dan mereka akan segera hadir dengan laungan azan pertama.

Menunaikan Sunat Qabliyyah Jumaat
Azan pada waktu Jumaat di Tanah Haram dilaungkan sebanyak dua kali. Walau bagaimanapun, azan pertama pada waktu Jumaat di Tanah Haram dilaungkan sebelum masuk waktu Jumaat, iaitu kira-kira 30 minit sebelum masuk waktu Jumaat mengikut amalan penduduk Najd yang melaungkan azan pertama hari Jumaat 30 minit atau 45 minit atau sejam sebelum masuk waktu Jumaat.

Azan pertama pada waktu Jumaat yang dilaungkan sebelum masuk waktu Jumaat adalah untuk memberi peringatan kepada orang ramai bahawa hari itu adalah hari Jumaat agar mereka bersiap sedia dan bergeger ke masjid sebelum azan kedua dilaungkan yang menandakan telah masuk waktu Jumaat.

Oleh kerana sembahyang sunat Qabliyyah Jumaat tidak dapat dilakukan selepas azan pertama kerana belum masuk waktu Jumaat dan tidak dapat dilakukan selepas azan kedua kerana khatib telah duduk di atas mimbar, maka sembahyang sunat Qabliyyah Jumaat dikerjakan

selepas menunaikan sembahyang fardhu Jumaat kerana menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Minhaj ath-Thalibin*, waktu sembahyang sunat Qabliyyah itu berkekalan sehingga berakhir waktu sembahyang fardhu sebagaimana katanya:

Ertinya: Dan masuk waktu (mengerjakan) sunat Rawatib sebelum sembahyang fardhu (sunat Qabliyyah) dengan masuk waktu sembahyang fardhu, dan (masuk waktu mengerjakan sunat Rawatib) selepasnya (sunat Ba'diyah) dengan mengerjakannya (sembahyang fardhu). Dan berakhir (waktu mengerjakan) kedua-dua jenis itu (sunat Qabliyyah dan sunat Ba'diyah) dengan berakhir waktu sembahyang fardhu.

Berdasarkan perkataan Imam an-Nawawi *Rahimahullah* di atas, bermula waktu sembahyang sunat Qabliyyah bagi sembahyang fardhu setelah masuk waktu sembahyang fardhu dan berakhir waktunya setelah berakhir waktu sembahyang fardhu. Ini bererti bahawa sembahyang sunat Qabliyyah Jumaat masih boleh dikerjakan selepas menunaikan sembahyang fardhu Jumaat. Bahkan sembahyang sunat Qabliyyah Jumaat yang dikerjakan selepas menunaikan sembahyang fardhu Jumaat itu adalah dikira sembahyang yang tunai sebagaimana yang dikatakan oleh Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj*:

Ertinya: Maka jika seseorang itu mengerjakan (sembahyang sunat) Qabliyyah selepasnya (mengerjakan sembahyang fardhu), ia (sembahyang sunat Qabliyyah) adalah (sembahyang yang) tunai.

Sembahyang Sunat Qabliyyah Jumaat Setelah Khatib Duduk Di Atas Mimbar
Hukum mengerjakan sembahyang sunat Qabliyyah Jumaat setelah khatib duduk di atas mimbar adalah tertakluk kepada dua keadaan berikut:

1. Orang yang sudah sedia hadir dan duduk dalam masjid sebelum khatib duduk di atas mimbar.

Seseorang yang sudah sedia hadir dan duduk dalam masjid, sama ada orang tersebut adalah orang yang wajib atasnya sembahyang fardhu Jumaat ataupun orang yang tidak wajib atasnya sembahyang fardhu Jumaat seperti perempuan, orang yang musafir dan lainnya, adalah haram ke atasnya untuk mengerjakan apa sahaja sembahyang setelah khatib naik dan duduk di atas mimbar, sama ada sembahyang fardhu atau sembahyang sunat, walaupun khatib belum lagi memulakan khutbahnya, dan walaupun dia yakin dia sempat menghabiskan sembahyangnya sebelum khatib mula membaca khutbah.

Ini kerana perbuatan tersebut menggambarkan keengganannya mendengar khutbah. Jika dikerjakan juga, sembahyangnya itu tidak sah kerana ulama telah ijma' atas haramnya.

2. Orang yang baru masuk masjid ketika khatib duduk di atas mimbar.

Orang yang baru masuk masjid ketika khatib sudah duduk di atas mimbar adalah sunat dan lebih utama baginya untuk mengerjakan sembahyang sunat Tahiyyatul Masjid sebelum dia duduk atau dia mengerjakan sembahyang sunat Qabliyyah Jumaat jika dia belum mengerjakannya. Namun adalah lebih utama sembahyang sunat Qabliyyah Jumaat itu disatukan niatnya bersama sembahyang sunat Tahiyyatul Masjid dalam satu sembahyang dan dikerjakan sebanyak dua rakaat. Jika dia hendak mengerjakannya dengan satu niat sahaja, maka adalah lebih utama diniatkannya sembahyang sunat Tahiyyatul Masjid sahaja. Ini kerana sembahyang sunat Tahiyyatul Masjid akan luput jika tidak dikerjakan

sebelum duduk. Adapun sembahyang sunat Qabliyyah Jumaat pula, ia masih boleh dikerjakan sekalipun selepas menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, bahkan boleh juga diqadha jika dikerjakan di luar waktu.

Manakala jika azan kedua yang menandakan telah masuk waktu sembahyang fardhu Jumaat telah dilaungkan sebelum dia sempat mengerjakan sembahyang sunat, adalah disunatkan atasnya untuk menangguhkan sembahyang sunat sehingga dia selesai menjawab azan. Maka dalam hal ini, dia boleh menjawab azan tersebut dalam keadaan berdiri sahaja. Kemudian selepas azan selesai, baru dia mengerjakan sembahyang sunat dan wajib dia mengerjakannya secara *takhfif* (ringan dan ringkas).

Walau bagaimanapun, seseorang yang baru masuk masjid pada penghujung khutbah, ataupun ketika khatib sudahpun selesai daripada khutbahnya, ataupun ketika iqamah sudah dilaungkan dan kuat sangkaannya jika dia mengerjakan sembahyang sunat itu dia akan terlput melakukan takbiratulihram bersama imam, maka dalam hal ini, gugurlah tuntutan sunat ke atasnya untuk mendirikan sembahyang sunat Tahiyyatul Masjid bahkan makruh atasnya untuk mengerjakannya. Begitu juga makruh atasnya untuk duduk. Sebaliknya, adalah sunat baginya berdiri sahaja bagi menunggu imam menunaikan sembahyang fardhu Jumaat bagi mengelakkan dia duduk dalam masjid sebelum mengerjakan sembahyang sunat Tahiyyatul Masjid.

Kedudukan Sembahyang Sunat Qabliyyah Jumaat Dikerjakan Sebelum Waktu

Sekiranya seseorang itu mengerjakan sembahyang sunat Qabliyyah Jumaat di Tanah Haram dalam keadaan dia tidak mengetahui bahawa azan pertama pada waktu Jumaat itu dilaungkan sebelum masuk waktu Jumaat dan dia menyangka bahawa azan pertama pada waktu Jumaat menandakan telah masuk waktu Jumaat lalu dia mengerjakan sembahyang sunat Qabliyyah Jumaat, maka sembahyang yang telah dikerjakannya itu tidak dihukumkan batal, bahkan sembahyangnya itu menjadi sembahyang sunat mutlak sebagaimana kata asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj* bahawa orang yang melakukan takbiratulihram sebelum masuk waktu sesuatu sembahyang itu kerana kesilapan, sembahyangnya itu jatuh menjadi sembahyang sunat mutlak. Ketika membahaskan mengenai hukum tidak sah menambah rakaat sembahyang sunat Witr melebihi dari yang telah ditetapkan, beliau berkata:

Ertinya: Kemudian jika seseorang itu mengetahui larangan (menambah rakaat Witr melebihi dari yang telah ditetapkan) dan sengaja (mengerjakan rakaat tambahan tersebut), maka berdasarkan qiyas (hukumnya) batal (sembahyang sunat Witr tersebut), melainkan jika (tidak tahu larangan tersebut dan tidak sengaja), ia akan menjadi (sembahyang) sunat (mutlak) seperti seseorang melakukan takbiratulihram bagi sembahyang yang dikerjakan sebelum waktunya (yang dilakukannya) dalam keadaan silap.

Manakala orang yang mengerjakan sembahyang sunat Qabliyyah Jumaat di Tanah Haram dalam keadaan dia mengetahui bahawa azan pertama pada waktu Jumaat itu dilaungkan sebelum masuk waktu Jumaat, maka sembahyang yang dikerjakannya itu dihukumkan batal sebagaimana yang dijelaskan oleh asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam *nash* di atas.

Demikian penjelasan mengenai sembahyang sunat Qabliyyah Jumaat di Tanah Haram.

MERIAHKAN SAMBUTAN HUT ABDB KE-63 PADA 1, 2 JUN INI

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Mei. - Kementerian Pertahanan melalui Pengurus Tertinggi Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-63 memaklumkan bahawa kemuncak acara sambutan akan berlangsung pada Sabtu, 1 Jun ini nanti.

Sambutan yang akan berlangsung di Penanjong Garison tersebut diadakan selama dua hari sehingga 2 Jun bagi kunjungan orang ramai.

Perkara tersebut diumumkan oleh Jurucakap Kementerian Pertahanan, Lettenan Kolonel (U) Hasnul Alwe bin Haji Matassan semasa Sidang Media bertempat di Dewan Kuliah, Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah (IPSSHHB) hari ini.

Lettenan Kolonel (U) Hasnul Alwe seterusnya menjelaskan, selain upacara perbarisan raksasa dan pameran statik, ada beberapa acara baharu juga turut dikenangkan antaranya Solidarity Jump yang melibatkan aksi berani penerjun-penerjun payung gaya bebas daripada 11 buah negara sahabat.

Selain itu katanya, segmen Pameran Keupayaan Tentera dan Industri Pertahanan juga diadakan di Dewan Nikmat Penanjong Garison yang melibatkan syarikat-syarikat industri pertahanan antarabangsa daripada 20 negara.

Turut hadir, Timbalan Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei, Kolonel Muhammad Wata bin Abdullah Awat, selaku Pengurus Tertinggi Sambutan HUT ABDB Ke-63 dan Pegawai Pemerintah Polis Tentera, Mejaz

Azaman bin Haji Hussin, selaku Ketua Ahli Jawatankuasa Tertinggi Kawalan Lalulintas.

Terdahulu, majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Sarjan Haji Md. Yusri bin Haji Awang Yusof dari Jabatanrahan Agama ABDB (JAMA'AT).

Matlamat utama sidang media tersebut diselenggarakan adalah sebagai platform penyebaran maklumat rasmi mengenai acara-acara yang akan berlangsung termasuklah maklumat lalu lintas, kawasan-kawasan letak kereta yang dikhaskan, khidmat shuttle bus, bazar jualan, peringatan keselamatan dan sekuriti kepada orang ramai di sepanjang sambutan tersebut nanti.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk



JURUCAKAP Kementerian Pertahanan, Lettenan Kolonel (U) Hasnul Alwe bin Haji Matassan semasa Sidang Media bertempat di Dewan Kuliah, Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

berkunjung bersama keluarga bagi sama-sama memeriahkan sambutan tersebut nanti.

Untuk maklumat, Upacara Perbarisan Raksasa pada hari kemuncak sambutan akan bersiaran secara langsung menerusi televisyen melalui Radio Televisyen Brunei (RTB) Sukmaindra dan RTB Perdana, RTB Go Live di www.rtbo.bn dan melalui

corong-corong radio di RTB Nasional dan RTB Pilihan.

Maklumat sidang media tersebut boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang rasmi Kementerian Pertahanan di www.mindf.gov.bn atau teruskan perkembangan terkini sambutan di akaun Instagram rasmi di [@mindefbrunei](https://www.instagram.com/mindefbrunei).

منجو كريضاعن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كولان فوسة دعوه اسلاميه

AL-QURAN merupakan sumber petunjuk manusia yang membawa kebenaran dan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Oleh sebab itu, Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan manusia agar sentiasa berpegang teguh dengan Al-Quran seperti dalam Surah Al-Israa', ayat 9, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang mafhumnya :

"Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk (ke jalan) yang lebih lurus dan menyampaikan khabar gembira kepada orang-orang beriman yang mengerjakan amalan-amalan salih bahawa sesungguhnya bagi mereka pahala yang besar".

Seseorang yang tidak diisi hati dan dadanya dengan ayat-ayat Al-Quran sama ada tidak membaca atau mengamalkannya adalah diibaratkan seperti sebuah rumah kosong, tidak berharga dan buruk yang akan roboh bila-bila masa sahaja. Perkara ini dijelaskan dalam sebuah hadis, Imam At-Tirmidzi dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas RadhiAllahuAnhu bahwa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

" Sesungguhnya orang yang tidak ada apa di dalam hatinya sedikit pun daripada Al-Quran adalah umpama sebuah rumah buruk yang binasa (tidak berhias)".

Beginilah umpamanya hati yang tidak diisi dengan ayat-ayat Al-Quran mudah dimasuki jin dan syaitan sehingga melahirkan penyakit jiwa seperti kerasukan, skizofrenia, psikiatri, dan sebagainya.

Hati di dalam jasad seseorang memainkan peranan yang penting dalam menentukan sifat baik dan buruk. Inilah yang dimaksudkan dalam banyak ayat Al-Quran dan hadis yang menyentuh tentang kepentingan hati dalam kehidupan manusia. Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan kita bahawa hati amat berperanan dalam menentukan kebaikan dan kejahatan sifat seseorang sebagaimana Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada An-Nu'man bin Basyr bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

" Ingatlah sesungguhnya di dalam jasad manusia itu ada seketul darah, jika ia baik, maka baiklah jasad. Jika ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Itulah hati".

Hadis ini menggambarkan tentang kepentingan hati bagi setiap manusia. Justeru menjaga hati itu sangatlah penting di dalam

Islam. Maka daripada itu, hidupkan hati kita dengan Al-Quran agar terhindar dari penyakit hati seperti iri, sombang, dan berprasangka buruk. Apabila Al-Quran sering dibaca dan difahami, ia akan menghidupkan hati dan menjadikannya lembut, subur dan sihat. Dengan adanya hati yang subur dan sihat akan menghasilkan pula kualiti akhlak manusia yang tinggi dan mulia. Manakala jika ia ditinggalkan, hati akan mengeras sehingga akhirnya boleh menyebabkan hati itu mati.

Semoga dengan melazimkan membaca Al-Quran, hati dan jiwa kita akan mendapat nur hidayah Allah dan menjadi tenang serta terhindar dari kegelapan dan kejahilan. Orang yang sentiasa bersama Al-Quran, akan diberikan cahaya yang menyuluh dan menerangi kehidupan agar jauh daripada kesesatan dan sentiasa berada di jalan yang benar.

Tenangkan hati dengan Al-Quran

فرسیداً عن دان قامیرن
قرتعهن تاهون بروني 2024

Brunei Mid-Year Conference & Exhibition 2024

30th May – 31st July 2024



Main Organisers



Co-Organisers



Media Partners



PROGRAM SUA MUKA FOKUSKAN PEMBARIGAAN MAKLUMAT SEMASA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANGAR, Selasa, 28 Mei. - Program Sua Muka yang dikendalikan Jabatan Penerangan menerusi Cawangan Penerangan di Daerah Temburong kali ini mendengarkan beberapa isu atau perkara yang disuarakan oleh penduduk dari Kampung Selangan, Kampung Parit dan Kampung Biang Menengah di bawah Mukim Amo.

Sehubungan dengan itu, program yang diadakan di Dewan Muafakat, Jabatan Daerah Temburong tersebut juga melibatkan beberapa agensi antaranya Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE), Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya (JKR) (Jalan Raya dan Jabatan Saliran dan Pembentungan), Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Cyber Security Brunei (CSB) dan DSTN (DST Network Sdn. Bhd.) untuk menyampaikan maklumat terkini daripada setiap agensi.

Program kali ini mengetengahkan antara objektif pembangunan, iaitu bagi mengongsikan maklumat yang betul kepada orang ramai mengenai tujuan dan matlamat JPE, JKR (DWS) dan DSTN mengenai projek TID Rollover dan meter pintar (USMS) yang sedang dijalankan masa kini.

Program Kebangsaan bagi penggantian sistem meter pintar USMS dikuatkuasakan secara mandatori dan penggantian tersebut adalah percuma dan pelanggan tidak

akan mengalami perubahan tarif elektrik.

TID Rollover akan menjelaskan meter-meter prabayar dan dijangka berlaku pada 24 November ini nanti dan dari itu, meter prabayar jenama STAR, INHE dan PLESSEY tidak akan dapat menerima token elektrik dan mengakibatkan bekalan elektrik terputus.

Selain itu, tarif air masih tidak ada perubahan, iaitu bagi perumahan tetap sebanyak BND0.11 bagi kadar satu bulan tiap-tiap satu meter padu dan BND0.44 bagi melebihi 54.54 meter padu.

Manakala, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan kemudiannya ada menjelaskan tatacara kebenaran dan permohonan tapak pertanian kepada penduduk Kampung Selangan dan sekitarnya.

Terdahulu, Pegawai Penerangan Kanan selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Awang Haji Abu Bakar dalam alu-aluannya menyatakan bahawa peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat, dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar



PROGRAM Sua Muka dijalankan bagi mengongsikan maklumat terkini kepada orang ramai.

Timba pengetahuan kemahiran komunikasi



PARA pelajar yang terpilih bagi mengikuti Kejohanan Debat Bahasa Arab Universiti Antarabangsa (International Universities Debate Championship - IUDC) anjuran Yayasan Qatar, selama lima hari bermula 25 hingga 29 Mei 2024.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Mei. - Tiga pelajar dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), iaitu dua pelajar dari Fakulti Bahasa Arab (FBA), Filzah Afiqah binti Chuchu dan Nur Nawwarah binti Ewardy Irwan; dan seorang pelajar dari Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Muhammad Kamal Shukri bin Mohamad Kamal baru-baru ini berlepas ke Doha, Qatar bagi mengikuti Kejohanan

Debat Bahasa Arab Universiti Antarabangsa (International Universities Debate Championship - IUDC) anjuran Yayasan Qatar, selama lima hari bermula 25 hingga 29 Mei 2024.

Penyertaan dalam pertandingan ini memberi peluang kepada pelajar-pelajar berkenaan untuk menimba ilmu pengetahuan, mempraktikkan kemahiran komunikasi, serta

mengembangkan kemampuan berfikir secara kritis dalam masa yang singkat di mana setiap pasukan hanya diberikan masa beberapa minit untuk berbincang tanpa sebarang bantuan daripada jurulatih mahupun akses kepada internet bagi membina kes dan menyiapkan penghujahan tentang sesuatu usul perdebatan.

Sepanjang pertandingan, para peserta akan mendebatkan pelbagai tema seperti teknologi, keamanan, politik antarabangsa, sosial, ekonomi, alam sekitar dan sebagainya.

Di samping itu juga, para peserta akan dapat memanfaatkan peluang berkomunikasi dengan peserta luar untuk meningkatkan mutu kemahiran dan keyakinan berbahasa Arab di persekitaran sebenar agar mereka mampu melangkah keluar dari zon selesa mereka.

Turut hadir untuk mengucapkan selamat belayar serta sokongan moral ialah Dekan FBA, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Abdullah; dan Timbalan Dekan FBA, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Abd Karim.

penghargaan dan terima kasih atas peluang yang diberikan bagi mengemukakan isu dan permasalahan yang dihadapi penduduk kampung untuk diambil perhatian oleh agensi-agensi berkaitan.

Menurutnya, program seumpama itu adalah amat mustahak dalam mengungkayahkan penyelesaian terhadap isu-isu yang dikemukakan sepetimana yang telah dirancang oleh agensi-agensi berkaitan.

Sebelum mengakhiri program tersebut, sesi soal jawab dibuka mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh penduduk kampung yang antara lain berkaitan dengan keselamatan, prasarana, perekonomian serta kebijakan dan kemudahan awam disusuli dengan bergambar ramai.

Brunei MYCE 2024 bermula 30 Mei ini

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan



BANDAR SERI BEGAWAN,

Selasa, 28 Mei. - Acara Persidangan dan Pameran Brunei Tengah Tahun (Brunei MYCE) anjuran Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan akan kembali pada tahun ini bermula dari 30 Mei 2024 sehingga 31 Julai 2024.

Acara Brunei MYCE 2024 memfokuskan kepada acara-acara persidangan dan pameran bagi perkongsian ilmu, pembangunan penemuan-penemuan baharu dalam pelbagai bidang di kalangan para ilmuwan, usahawan, penggubal dasar pensyarah-pensyarah dan termasuk pelajar dan orang ramai dari dalam dan luar negara.

Melalui penyertaan pembentang dan peserta dari luar negara, pengajuran Brunei MYCE diharap akan dapat meningkatkan jumlah pelancong antarabangsa yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melalui aktiviti-aktiviti perekonomian termasuk perhotelan, penerbangan, restoran, pengangkutan dan seumpamanya.

Dengan kejayaan anjuran Brunei MYCE pada tahun-tahun yang lalu, acara ini diteruskan lagi untuk tahun keempat bagi

mencapai matlamat strategik Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk menarik pasaran pelancongan MICE (Meetings, Incentives, Conferences and Events) khususnya 'business travellers' ke Negara Brunei Darussalam.

Penganjuran Brunei MYCE 2024 memfokuskan kepada empat tema iaitu Islamik, Alam Sekitar, Teknologi dan Inovasi, serta Hal Ehwal Semasa.

Sebanyak 18 acara berbentuk persidangan, seminar, bengkel, pameran dan seumpamanya yang dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perikanan di KSSUP, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Institute of Leadership and Islamic Finance (BILIF), Poni Divers Brunei, Network Integrity Assurance Technologies Sdn Bhd (NiAT) dan lain-lain.

Antara program yang akan diadakan antaranya seperti Scientific Expedition : Exploring Brunei Darussalam's Biodiversity oleh Jabatan Perhutanan; Ocean Week Brunei dianjurkan bersama oleh Poni Divers Brunei dengan Jabatan Perikanan; Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV) oleh UNISSA; UBD-AUN Summer Programme 2024 oleh UBD dan banyak lagi.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai Brunei MYCE 2024 bolehlah diperolehi melalui laman sesawang <https://www.bruneitourism.com/myce> atau melalui akaun Instagram @bruneimyce.



SEKITAR acara pada tahun lepas... Pengajuran Brunei MYCE diharap akan dapat meningkatkan jumlah pelancong antarabangsa yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar.

15 PEMIMPIN BELIA SERTAI SBYLEP KE-9



SERAMAI 15 pemimpin belia profesional dari pelbagai latar belakang berlepas ke Republik Singapura bagi menyertai Program Pertukaran Pemimpin Belia Singapura-Brunei (SBYLEP) Ke-9 selama lima hari.

berkesan dan kolaboratif dengan pelbagai pihak berkepentingan dan memastikan ia berkesan dan inklusif dalam memacu kemajuan dalam kalangan masyarakat.

Dengan perlaksanaan program ini secara berterusan adalah diharatkkan agar ia dapat melahirkan pemimpin-pemimpin dalam kalangan generasi muda (Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura) yang akan dapat bekerjasama dalam mengukuhkan hubungan antara kedua-dua buah negara; menggalakkan pemahaman dan perpaduan pemimpin 'Nextgen' dari kedua-dua buah negara.

Di samping itu, ia juga diharapkan dapat meningkatkan kefahaman terhadap dasar, sistem dan hubungan negara; serta menggalakkan perbincangan serta pertukaran pandangan atau saranan dalam kalangan para delegasi kedua-dua buah negara.

Turut hadir di lapangan terbang untuk menghantar rombongan tersebut ialah Pengarah Bahagian Pembangunan Belia dan Sukan, KKBS, Dayang Zainab binti Haji Morshidi.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Mei. - Seramai 15 pemimpin belia profesional dari pelbagai latar belakang berlepas ke Republik Singapura hari ini untuk menyertai Program Pertukaran Pemimpin Belia Singapura-Brunei (SBYLEP) Ke-9 selama lima hari.

SBYLEP Ke-9 dikendalikan bersama oleh National Youth

Council (NYC) di bawah Kementerian Kebudayaan, Komuniti dan Belia, Republik Singapura dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Negara Brunei Darussalam dan diselaraskan oleh Majlis Belia Brunei (MBB) selaku Rakan Strategik.

Program ini melibatkan penyertaan seramai 30 pemimpin

belia berusia 22 hingga 35 tahun dari kedua-dua negara daripada pelbagai latar belakang profesional berkaitan hal ehwal belia dalam bidang Pendidikan, Kepimpinan, Keusahawanan, Pembangunan Komuniti dan Belia, Sains dan Kesihatan serta Kesukarelawanan.

SBYLEP diadakan secara bergilir-gilir dan berdasarkan hubungan dua hala yang kukuh antara kedua-dua negara, dan untuk edisi kali ini

adalah kali pertama ia diadakan secara fizikal di Republik Singapura sejak 2019 selepas pemulihan pandemik COVID-19.

Tema SBYLEP Ke-9 ialah 'Kesukarelawanan' yang mengambil kira perkara berikut, iaitu 'Kesukarelawanan' yang bertujuan untuk meneroka bagaimana belia boleh mengambil bahagian dalam aktiviti kesukarelawanan dengan cara yang lebih mampan,

MINDA PEMBACA

Bersatu mengurangkan sampah plastik

MASALAH persekitaran kita pada masa ini banyak dicemari dengan sampah sarap daripada pelbagai jenis antaranya kertas, tin, plastik, getah dan sebagainya. Masalah sampah ini menjadi isu besar bagi sesebuah negara dan jika perkara ini tidak diatasi akan menyebabkan alam sekitar menjadi kotor, udara yang dihirup tidak bersih bahkan boleh menyebabkan pembiakan haiwan pembawa penyakit.

Pada masa ini, penggunaan plastik semakin banyak digunakan terutamanya bagi pembungkusan makanan, minuman, barang-barang rumah, alat ganti kenderaan dan sebagainya. Selain itu, produk yang berasaskan daripada plastik juga banyak dihasilkan seperti

kantong plastik, gelas plastik, sudu dan garpu plastik, botol plastik dan banyak lagi.

Oleh itu, adalah amat penting bagi masyarakat untuk bersama-sama berganding bahu dalam memastikan persekitaran kita sentiasa berada dalam keadaan bersih dan bebas daripada sampah plastik.

Sehubungan dengan itu, ada pelbagai cara yang dapat kita lakukan untuk sama-sama mengurangi penggunaan plastik setiap hari. Antaranya dengan menggunakan beg kitar semula apabila keluar membeli-belah kerana ia dapat menghindari kita daripada penggunaan plastik sekali gus mengurangi jumlah sampah plastik.

Selain itu, dengan mengadakan pelbagai Kempen Kitar Semula yang diadakan oleh pihak kerajaan dan swasta sudah setentunya dapat membantu memberi kesedaran kepada masyarakat untuk sama-sama bekerjasama dalam menjayakan usaha murni tersebut.

Di samping itu, menyerapkan pendidikan mengenai bahaya penggunaan plastik dalam kehidupan kepada anak-anak agar mereka tahu dan sedar akan bahaya plastik kepada alam sekitar.

Ibu bapa berperanan penting dalam mendidik anak-anak dengan mengajar mereka mengasingkan bahan-bahan buangan mengikuti kategorinya dan kemudian dihantar ke pusat kitar

semula. Dengan cara mengitar semula dapat membantu alam sekitar dengan mengurangkan jumlah pembuangan sampah ke tapak pelupusan sampah di negara ini.

Kesimpulannya, melindungi dan memelihara alam sekitar ini bukan hanya tanggungjawab kepada pihak kerajaan atau swasta sahaja tetapi ia adalah tanggungjawab semua pihak dalam melindungi alam sekitar demi kesinambungan generasi pewaris akan datang.

Nama : Srinazleeza Haziimatul binti Srinarawie
No. K/P : 01-167XXX

Menangi

BND75

SETIAP MINGGU



Termasuk Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia

lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.

2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langka dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

JERAYAWARA TINGKATKAN KESEDARAN AWAM MENGENAI AKTA, PERATURAN JIPK

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Mei. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui Bahagian Pengukuasaan Undang-undang telah melaksanakan Jerayawara JIPK di sebuah bangunan perniagaan di kawasan Gadong yang mana melibatkan 19 buah premis yang menjalankan pelbagai jenis perniagaan.

Antara objektif jerayawara diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai keperluan pematuhan Akta dan Peraturan Imigresen, Penggal 17, Akta dan Peraturan Pasport, Penggal 146, Akta Pencegahan Penyeludupan Orang, Penggal 229 dan Akta Anti-Pemerdagangan Orang, Penggal 230.

Selain itu, ia juga untuk menyampaikan dan mengongsikan maklumat kepada pemilik-pemilik serta pekerja perniagaan mengenai jenis-jenis kesalahan di bawah akta dan peraturan di bawah JIPK melalui penerangan dan penyerahan risalah.

Di samping itu, jerayawara berkenaan juga adalah untuk memberikan peluang dan ruang kepada pemilik-pemilik premis perniagaan untuk membuat pendekatan secara langsung dengan pihak JIPK.

Jerayawara JIPK merupakan salah satu usaha berterusan jabatan berkenaan dalam meningkatkan pengetahuan dan mengurangkan kesalahan-kesalahan Imigresen yang dilakukan oleh pemilik-pemilik premis perniagaan dan pekerja khasnya dan orang awam amnya.

Jerayawara seumpama tersebut akan terus dirancang untuk dilaksanakan oleh JIPK.



JERAYAWARA JIPK merupakan salah satu usaha jabatan berkenaan dalam meningkatkan pengetahuan dan mengurangkan kesalahan-kesalahan Imigresen (atas dan bawah).



Bantu kesan Selvi

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

BELAIT, Selasa, 28 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Sungai Liang ingin memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan Selvi, 30 tahun, warganegara Indonesia dengan nombor pasport E5247358 yang dipercayai lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengeninya, sila hubungi ke Balai Polis Sungai Liang menerusi talian +673 3230250 atau talian Kecemasan Polis 993 atau mananya balai-balai polis yang berdekatan.



SELVI, 30 tahun, nombor pasport E5247358, warganegara Indonesia.

NASIONAL

Kenali Bahasa Brunei

Mamutik bermaksud mengutip atau memungut.

Contoh pemakaian kata : samingga tiga kali ada tu urang **mamutik** sampah.

Ubaya-ubaya bermaksud berhati-hati atau beringat-ingat.

Contoh pemakaian kata : **ubaya-ubaya** ah karang ani bukan kan baik ati mambukai urang mangatuk pintu rumah, takut urang jahat.

Baudal-udal bermaksud bersusah payah menyelesaikan sesuatu pekerjaan.

Contoh pemakaian kata : bukannya sanang kan mamburis parau, **baudal-udal** mangarjakan.

Uli-uli bermaksud berbaring dalam keadaan gelisah kerana menahan sakit atau fikiran kacau.

Contoh pemakaian kata : saharian udah ia **uli-uli** di katil atau sakit ulu atinya.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS



Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Badak Berendam RPN Kampung Lumut

BAHAN-BAHAN :

Tepung pulut
Gula merah batu
Perasa pandan
Daun pandan
Pewarna makanan (mengikut cita rasa sendiri)

CARA MEMASAK :

Mula-mula masukkan tepung pulut 200 gram ke dalam bekas yang besar dan air sebanyak satu gelas, kemudian kita uli hingga menjadi doh, sekiranya masih belum menjadi doh bolehlah tambah air sedikit, jika terlebih air, bolehlah tambah tepung pulut sedikit.

Jika sudah menjadi adunan doh, kemudian bahagikan kepada dua acuan jika ingin mempunyai dua jenis warna. Lalu ditambah

dengan sedikit pewarna pandan atau pewarna yang lain, diulii sehingga warna pada doh tersebut menjadi rata.

Langkah seterusnya, ambil sebahagian kecil daripada adunan doh tersebut dan kemudian bentukkan sehingga menjadi bentuk bulat ataupun menjadi bebola. Setelah membuat bentuk bulatan, ratakan doh yang dibentuk tadi dan masukkan gula merah batu yang dipotong menjadi dadu kecil di dalamnya dan kemudian ditutup.

Seterusnya, sediakan air yang mendidih di periuk dan Badak Berendam yang kita sudah siapkan tadi akan direbus sehingga ia masak. Cara untuk mengetahui jika Badak Berendam tersebut sudah masak, lihat

apabila Badak Berendam tersebut sudah berada di permukaan air yang mendidih tadi ataupun terapung, itu bermakna ia sudah sedia untuk diangkat. Sekurang-kurangnya empat minit untuk setiap Badak Berendam yang direbus.

Langkah yang terakhir ialah penyediaan kuah Badak Berendam. Mula-mula masukkan santan ke dalam periuk untuk dipanaskan, lalu masukkan 1/2 helai daun pandan yang diikat. Kemudian masukkan sedikit esen pandan serta garam dan gula sedikit agar rasa kuah tersebut mempunyai rasa lemak manis. Masak sehingga mendidih lalu dituang ke dalam bekas bersama Badak Berendam tadi, dan kemudian siap untuk dihidang.



Sentiasa bersedia mempertahankan kedaulatan negara

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

KEAMANAN itu sangat penting dan berharga bagi sebuah negara. Tugas tentera dan mempertahankan negara adalah amat mulia dan ia bukanlah satu tugas yang mudah akan tetapi banyak risiko dan berat tanggungjawabnya. Adapun di antara pihak yang bertanggungjawab menjaga dan mempertahankan keamanan negara ini ialah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang akan meraikan hari kemuncak Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-63, yang akan diadakan pada 1 Jun di Penanjong Garrison. Dengan tema 'Bersama Menjayakan Wawasan Negara', ABDB akan terus siap siaga bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan bumi Darussalam ini sentiasa terjaga dan terpelihara dan bersama-sama menuju Wawasan Brunei 2035.

ABDB telah ditubuhkan pada 31 Mei 1961 merupakan sebuah institusi pertahanan terunggul di negara ini kini mencapai usia 63 tahun penubuhannya tahun ini. Pada awalnya ia dikenali dengan nama Askar Melayu Brunei sebelum dianugerahkan dengan gelaran 'Diraja' pada 31 Mei 1965. Ia kemudian dikenali sebagai Askar Melayu Diraja Brunei. Setelah mencapai kemerdekaan pada 1 Januari, 1984, Askar Melayu Diraja Brunei dinamakan semula sebagai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Peralatan, kelengkapan ketenteraan ABDB

Kementerian Pertahanan dan ABDB giat menjalankan usaha meningkatkan keupayaan Perisikan, Pengawasan, Perolehan Sasaran dan Peninjauan yakni (ISTAR - Intelligence, Surveillance, Target Acquisition and Reconnaissance), di mana satu sistem baharu akan diguna pakai dalam jangka masa terdekat, manakala Sistem Pesawat Tanpa Pemandu (UAS - Unmanned Aerial System) telah pun beroperasi sejak dilancarkan pada Mei 2022. Selain itu, peningkatan keupayaan pertahanan maritim juga turut diutamakan dengan penaulan dua buah kapal peronda Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) baru-baru ini iaitu, KDB AS SIDDIQ dan KDB AL FARUQ.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah berkenan berangkat ke Upacara Pentaulahan Kapal Peronda Kapal Diraja Brunei (KDB) AS-SIDDIQ di Jeti Bravo, Pangkalan Tentera Laut Muara pada 21 Mac 2023. Upacara Pentaulahan KDB AS-SIDDIQ itu merupakan

peristiwa penting dan bermakna dari segi diplomasi pertahanan antara Brunei dan Singapura, serta menjadi sejarah penting dalam perkembangan TLDB dan juga ABDB.

Perhatian juga ditumpukan kepada keupayaan pengawasan dan pengesanan ancaman di bawah permukaan air (*underwater*) bagi memastikan tindak balas berkesan dalam menjaga keutuhan wilayah Negara Brunei Darussalam.

Pada bulan Januari 2024 yang baru lalu, Kementerian Pertahanan telah melakar sejarah dengan ketibaan dua buah pesawat angkut C295MW Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dan insyaAllah dua buah lagi akan diterima di dalam jangka waktu terdekat, bagi menggantikan pesawat angkut CN235 yang telah pun beroperasi hampir tiga dekad bersama TUDB yang telah mencecah tempoh untuk ditamatkan perkhidmatan. Pesawat-pesawat angkut terbaru ini berkeupayaan melakukan pelbagai peranan dan misi (*multi-role* dan *multi-mission*) menurut keperluan pada satu-satu masa. Setentunya, penggunaan aset-aset baharu ini nanti adalah antara kaedah mempamerkan Postur Pertahanan Negara dan dalam memperkasa usaha diplomasi pertahanan dengan rakan serantau dan antarabangsa.

Akademi Pertahanan ABDB

Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB) telah ditubuhkan sebagai organisasi yang membantu membimbing perkembangan profesionalisme di dalam ABDB. Ianya bertujuan untuk menerajui pembelajaran sepanjang hayat dan untuk menggalakkan perkembangan profesionalisme pegawai-pegawai ABDB. AP ABDB juga memainkan sebahagian peranan asas dalam bidang menjana kekuatan angkatan bagi memastikan agar ABDB sentiasa relevan dan bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran yang mendarat.

Latihan / Eksesais

Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (IL ABDB) Ke-56 memainkan peranan yang signifikan sebagai sebuah institusi yang menyediakan latihan kemahiran bagi anggota-anggota tentera dalam mencapai visi unit, iaitu untuk melahirkan individu terlatih dan profesional melalui latihan yang relevan dan realistik dalam memenuhi keperluan ABDB.

Training Simulation Center (TSC) dan Kompleks Fighting In Built Up Areas (FIBUA). Kedua-dua fasiliti latihan tersebut adalah antara perkembangan IL ABDB dalam usaha untuk menghasilkan latihan yang realistik

sejarah dengan visi IL ABDB iaitu menyediakan institusi latihan tentera yang berkualiti.

Pendidikan berkualiti menuju Wawasan Brunei 2035

Institusi Pendidikan dan Latihan di ABDB telah mencapai kejayaan-kejayaan signifikan dengan adanya kursus-kursus dan program yang dijalankan di Akademi Pertahanan, Institut Latihan ABDB, Sekolah-sekolah Latihan Tentera Darat, Tentera Laut, dan Tentera Udara yang telah memperolehi pengiktirafan kebangsaan dan antarabangsa. Sehubungan itu permintaan yang tinggi oleh angkatan-angkatan tentera negara-negara sahabat bagi mengikuti kursus-kursus profesional di ABDB dapat dilihat apabila Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan, Sekolah Infantry Tentera Darat Diraja Brunei dan Pusat Latihan Tentera Laut Diraja Brunei telah menerima penuntut dari luar negara buat pertama kalinya. Dan ini merupakan satu perkembangan dan pencapaian baik bagi kecemerlangan ABDB.

Penyertaan dalam kursus-kursus dan latihan yang ditawarkan di pelbagai peringkat di beberapa tahun kebelakangan, sama ada diungkayahkan oleh AP ABDB, IL ABDB dan sekolah-sekolah latihan angkatan-angkatan tentera serta Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kementerian Pertahanan menunjukkan ABDB berpotensi dan cemerlang dalam bidang pendidikan.

Pendidikan yang berkualiti seperti yang terdapat dalam Wawasan Brunei 2035 menjadi tanda aras ke arah kecemerlangan ABDB dengan penubuhan Faculty of Military Studies oleh AP ABDB dengan kolaborasi Universiti Brunei Darussalam. Ini merupakan langkah positif dan salah satu inisiatif untuk mendapatkan pengiktirafan pendidikan Professional Military Education dan adaptasi pembelajaran sepanjang hayat. Selain itu, langkah ini secara tidak langsung mendukung aspirasi kebangsaan untuk menjana rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, selain memperkasa usaha diplomasi pertahanan melalui penyertaan pegawai-pegawai tentera dari negara-negara sahabat.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, baginda telah memperkenankan rancangan Akademi Pertahanan bagi penubuhan Faculty of Military Studies semasa Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-22, Sekolah Pegawai Kadet yang berlangsung di Padang Kawad AP ABDB, Kampung Tanah Jambu. Baginda menekankan pendidikan bagi pegawai-

pegawai ABDB untuk terus memajukan diri demi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Fakulti ini membuka ruang bagi pegawai-pegawai ABDB untuk mengikuti program Bachelor in Defence and Security Studies yang diperoleh bermula dari peringkat Kursus Pegawai Kadet sehingga ke peringkat Kursus Staf Pertengahan dan seterusnya Master Degree in Defence and Security Studies di peringkat Maktab Turus ABDB.

Penglibatan ABDB dalam misi-misi pengamanan

Penglibatan ABDB setakat ini telah mengharumkan dan membawa nama negara ke mata dunia melalui penyertaan-penyertaan konsisten di misi-misi pengamanan dan misi bantuan kemanusiaan dan bencana, khasnya Misi Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lebanon (United Nations Interim Force in Lebanon - UNIFIL) di bawah kelolaan Malaysian Battalion (MALBATT) sejak tahun 2008, dan terus giat juga menyertai Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB VMAT) di Republik Filipina, sebagai kesinambungan kepada keterlibatan dalam pasukan Pemantau Antarabangsa (International Monitoring Team - IMT) dari tahun 2004 hingga 2022 yang telah berjaya mewujudkan keamanan di kepulauan Mindanao, Republik Filipina. Kehebatan ABDB dalam sama-sama menjaga keamanan negara bukan sahaja di luar negeri bahkan juga di dalam negeri seperti bantuan keselamatan ketika pandemik COVID-19 melanda negara ini.

Kesimpulan

Keamanan adalah satu nikmat yang sangat berharga dan tiada galang gantinya. Mempertahankan kedaulatan negara daripada anasir-anasir yang boleh mengganggu-gugat keamanan dan kestabilan negara adalah hak dan tanggungjawab semua. Tetapi ABDB tetap berada di barisan hadapan dalam memperjuangkan bumi Darussalam ini agar ia menjadi hak milik seluruh rakyat dan penduduk negara ini. Oleh itu mari lah kita sama-sama menadah tangan berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar negara ini sentiasa dilindungi. Mengenang jasa para anggota tentera kita merupakan hal penting bagi mewujudkan penghargaan dan rasa hormat kita terhadap mereka dalam menjaga dan mewariskan nilai-nilai kebangsaan, semangat patriotisme, dan kecintaan terhadap tanah air kepada generasi muda.

Selamat Menyambut Ulang Tahun ABDB Ke-63.



Keindahan pohon Tekoma, seperti bercuti di luar negara

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

JIKA Jepun terkenal dengan bunga Sakura, juga negara lain seperti Korea (Cherry Blossom), Itali (bunga Matahari), Belanda (Tulip) dan Perancis (Lavender), di negara kita Brunei Darussalam juga tidak kurang hebatnya.

Dengan cuaca panas, Brunei Darussalam kini dilanda musim bunga. Jikalau kita melalui sebahagian jalan-jalan raya di pinggir jalan pastinya kita ada terserempak dengan pohon yang menghasilkan bunga yang begitu indah warnanya dan pastinya sekali pandang, ia mirip bunga Sakura yang cukup terkenal di Jepun dan kita yang menyaksikannya akan rasa sepertinya kita juga berada di negara tersebut, itulah dia pohon Tekoma yang seakan-akan bunga Sakura. Pokok Tekoma ataupun nama saintifiknya *Tabebuia Rosea* berasal dari Amerika Tengah dan benua Amerika Selatan mulai berbunga di deretan jalan raya sepanjang jalan lebuh raya dari Bandar Seri Begawan menuju ke kawasan Lapangan Terbang Berakas bagaikan di luar negara dengan limpahan guguran bunga

berwarna lembut cukup mendamaikan sesiapa yang melihat.

Menelusuri beberapa laluan di sekitar beberapa batang jalan raya di negara ini pasti membuatkan ramai terpesona dengan keindahan bunga Tekoma yang mula mekar. Manakan tidak, fenomena yang hanya berlaku pada musim tertentu terutamanya berbunga pada musim kering dan kemarau menjadikan beberapa kawasan tidak ubah seperti suasana musim bunga sakura di Jepun.

Kedua-dua ini menarik perhatian ramai terutamanya peminat fotografi untuk merakamkan gambar kenangan ala-ala percutian di negara matahari terbit sedangkan panorama mempesonakan ini hanya di tanah air sendiri.

Di sini pokok tersebut juga dikenali sebagai pokok Cherry Blossom kerana bunganya yang sangat lebat seolah-olah bunga Sakura Jepun yang mekar pada musim bunga.

Mengenai kebaikan dan kelebihan pokok Tekoma, ia sesuai dijadikan sebagai tanaman pinggiran jalan dan pokok hiasan taman. Pohon hiasan itu ditanam di kebanyakan

negara tropika sebagai pokok hiasan dan balak. Antara keistimewaan pokok ini ialah ia mempunyai aktiviti seperti antibakteria dan antimalaria, selain sesuai dijadikan halangan angin, pokok hiasan di jalan raya dan perumahan.

Pastinya selepas beberapa tahun ditanam, ia menyajikan pemandangan yang indah dan mempesonakan seperti berada di Jepun dan Korea. Dalam pada itu, bentuk kanopinya yang rendang dan merimbun sesuai dijadikan sebagai pokok teduhan. Selain itu, warna bunganya yang menarik juga menjadikan tanaman ini sering ditanam sebagai tanaman hiasan baik di tepi jalan maupun di dalam kawasan bandar.

Barisan batang pokok Tekoma yang terletak di tepi jalan menjadikan kawasan-kawasan yang ditumbuhinya pohon-pohon Tekoma daripada keluarga Bignoniaceae berasal dari benua Amerika ini kelebihan lebih ceria dengan keindahan bunganya berwarna merah jambu, ungu dan putih yang kebiasaannya akan berbunga pada waktu cuaca panas dan kering.

Selaku penulis dalam ruangan ini, saya juga berharap bunga Tekoma atau lebih dikenali

sebagai Sakura akan lebih banyak ditanam dan berkembang lebih banyak dalam tempoh yang panjang kerana ia boleh menjadi lokasi untuk bergambar serta tarikan pelancongan. Bahkan ianya juga mampu sebagai salah satu tempat untuk orang ramai atau pelancong singgah berswafoto andai kata pohon Tekoma ini ditempatkan sebagai salah sebuah Taman Rekreasi. Sekurang-kurangnya pohon Tekoma ini boleh dijadikan satu produk pelancongan.

Saya juga percaya pastinya orang ramai juga tidak mahu melepaskan peluang ini apabila tibanya musim mekar Tekoma kerana mereka pasti berasa seolah-olah berada di Jepun dan Korea, lagi pun kita perlu menunggu setahun lagi untuk menikmati pemandangan ini kerana ia tidak berbunga dalam tempoh lama. Melalui cara ini, bandar ini akan terus menjadi tarikan pelancong untuk sama-sama merasai pengalaman dan suasana seperti luar negara. Manakala bagi bakal pengantin pula ia merupakan satu peluang bagi para pengantin untuk membuat rakaman gambar kenangan ketika musim Tekoma tiba.



PENDUDUK KOREA SELATAN DIJANGKA MEROSOT DI HAMPIR SEMUA WILAYAH MENJELANG 2052

SEOUL, 28 Mei. - Penduduk Korea Selatan dijangka merosot di hampir semua wilayah menjelang

2052 akibat kadar kelahiran yang rendah secara berterusan, menurut anggaran pejabat statistik yang

Pengadang halang pemandangan Gunung Fuji dirosakkan

KOFU (Jepun), 28 Mei. - Beberapa lubang telah ditemukan pada pengadang besar yang dipasang oleh sebuah bandar di tengah Jepun untuk menghalang pemandangan indah Gunung Fuji selepas kritikan terhadap tingkah laku pelancong di lokasi tular merakam gambar itu, kata pihak berkuasa tempatan (PBT) pada Selasa.

Selepas memasang pengadang berwarna hitam itu pada 21 Mei untuk menghalang pengunjung daripada berkumpul di hadapan sebuah kedai serbaneka Lawson di Fujikawaguchiko, wilayah Yamanashi, pihak berkuasa itu mengesahkan penemuan lubang pertama pada hari berikutnya dan jumlahnya kini meningkat kepada kira-kira 10 lubang.

"Kami menjangkakan perkara ini mungkin berlaku suatu hari nanti, tetapi tidak secepat ini," kata seorang pegawai PBT, seperti yang dilaporkan oleh Agensi Berita Kyodo.

Pihak berkuasa tempatan juga merancang untuk membaiki skrin itu dengan segera sambil menyiaran notis meminta pengunjung untuk tidak menyentuhnya.

Pada mulanya, pihak berkuasa menempatkan pengawal keselamatan dan menyiaran amaran dalam bahasa Inggeris selepas menerima aduan daripada penduduk tempatan mengenai peningkatan jumlah pelancong yang melanggar peraturan lalu lintas dan meletakkan kenderaan secara haram di kawasan itu.

Namun, selepas mendapat langkah-langkah tersebut tidak banyak membantu memperbaiki keadaan, pihak berkuasa tempatan memutuskan untuk memasang pengadang berkenaan. - ©BERNAMA

Duta Perancis ke Sri Lanka meninggal dunia akibat serangan jantung

MOSCOW, 27 Mei. - Duta Perancis ke Sri Lanka, Jean Francois Pactet, 53, ditemukan meninggal dunia di kediamannya, lapor Sputnik memetik portal berita Sri Lanka Daily Mirror.

Duta itu dipercayai meninggal dunia akibat serangan jantung dan ditemukan tidak bernyawa pada pagi Ahad, menurut laporan berkenaan. Polis tempatan sedang menyiasat kejadian berkenaan dan bedah siasat akan dijalankan, tambah laporan itu. - ©BERNAMA

Angka kematian akibat taufan, puting beliung di AS cecah 18 orang

MOSCOW, 27 Mei. - Bilangan yang terkorban akibat taufan dan puting beliung di empat negeri Amerika Syarikat (AS) meningkat kepada 18 orang termasuk kanak-kanak, lapor Sputnik memetik laporan CNN pada Isnin.

Badai kuat melanda Texas, Oklahoma, Arkansas dan Kentucky malam tadi, menurut laporan itu. Pihak berkuasa memberi amaran kepada jutaan penduduk di Arkansas, Illinois, Indiana, Kentucky, Missouri dan Tennessee mengenai ancaman puting beliung yang berterusan.

Menurut portal pemantauan poweroutage.us, hampir 500,000 pelanggan dari Texas ke Virginia dan Pennsylvania terputus bekalan elektrik. - ©BERNAMA

dilaporkan pada Selasa, menurut Xinhua.

Jumlah penduduk negara itu diunjur menurun dari 51.67 juta pada 2022 kepada 46.27 juta pada 2052 selepas memuncak pada 51.75 juta pada 2024, menurut Statistik Korea.

Kesemua 17 wilayah dan bandar raya dijangka mencatatkan penurunan penduduk semula

jadi atau lebih banyak kematian daripada kelahiran, menjelang 2052.

Walau bagaimanapun, wilayah Gyeonggi yang mengelilingi ibu kota Seoul dan bandar raya pentadbiran Sejong diramalkan akan menyaksikan pertumbuhan penduduk menjelang 2052 di tengah-tengah aliran masuk



penduduk ke wilayah dan bandar raya berkenaan.

Bilangan bayi yang baru lahir telah menunjukkan penurunan sejak Oktober 2022 kerana pasangan muda menangguhan atau menggugurkan hasrat untuk memiliki anak disebabkan kesukaran ekonomi, seperti harga perumahan yang tinggi dan pengangguran yang berlarutan. - ©BERNAMA

Ketua Kabinet Argentina letak jawatan

BUENOS AIRES, 28 Mei. - Ketua Kabinet Presiden Argentina, Nicolas Posse, telah meletakkan jawatan, menurut kenyataan Presiden Javier Milei pada Isnin, lapor Xinhua.

Menteri Dalam Negeri semasa, Guillermo Francos, akan

menggantikan Posse "bertujuan untuk memberikan lebih banyak pengaruh atau kepentingan politik" kepada pejabat ketua kabinet, menurut kenyataan presiden.

Posse, jurutera perindustrian berusia 58 tahun, telah berkhidmat sebagai Ketua Kabinet Menteri

sejak 10 Dis 2023, ketika Milei mula memegang jawatan.

Pengunduran Posse disebabkan oleh "perbezaan kriteria dan jangkaan dalam kemajuan kerajaan dan tugas yang diamanahkan kepadanya", menurut pejabat ketua kabinet. - ©BERNAMA

12 cedera akibat gelora udara dihadapi penerbangan Doha ke Dublin

DUBLIN, 26 Mei. - Enam penumpang dan enam kru cedera akibat gelora udara dihadapi satu penerbangan dari Doha, Qatar ke Dublin, Ireland, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Dalam satu kenyataan, pihak Lapangan Terbang Dublin berkata penerbangan Qatar Airways itu mendarat dengan selamat seperti yang dijadualkan sejurus sebelum pulak 1 tengah

hari (1200GMT) pada Ahad.

"Sebaik mendarat, pesawat itu disambut oleh perkhidmatan kecemasan, termasuk polis lapangan terbang dan Jabatan Bomba dan Penyelamat kami, kerana enam penumpang dan enam kru (keseluruhan 12) di dalam pesawat dilaporkan cedera selepas pesawat mengalami gelora udara ketika melalui ruang udara Turkiye," kata pihak lapangan terbang itu.

"Pasukan Lapangan Terbang Dublin terus memberikan bantuan penuh di darat kepada penumpang dan petugas syarikat penerbangan," katanya lagi.

Insiden ini berlaku seminggu selepas seorang lelaki British meninggal dunia dan ramai yang cedera apabila penerbangan Singapore Airlines dari London ke Singapura mengalami gelora udara yang teruk. - ©BERNAMA

Arah pembangunan ekonomi China betul, kata Georgieva

BEIJING, 27 Mei. - Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Kristalina Georgieva menyifatkan tindakan China memperkasakan peruntukan dalam pembangunan ekonomi hijau dan ekonomi digital demi membina iklim persaingan yang adil kepada syarikat sebagai arah yang betul.

Beliau berkata demikian ketika menerima wawancara Kumpulan Media China (CMG) mutakhir ini. Beliau berkata dunia kini kekurangan momentum daya produktif dan kenaikan taraf hidup rakyat.

"Bagaimana kita sekali lagi menyuntik kedinamikan ke dalam daya produktif? Kita perlu

bersandarkan kepada sains dan teknologi dan peruntukan dalam pembangunan modal insan. China mempunyai kelebihan dalam bidang-bidang tersebut," kata Georgieva.

Beliau berkata China sebagai satu daripada satu pengasas IMF, daripada menimba pengalaman negara lain pada masa dahulu, kini telah menjadi teladan kepada negara lain. "Saya telah melawat ke banyak negara dan melihat model pembangunan China 'direplika' di negara-negara itu," katanya.

Ketika mengulas siri dasar yang diamalkan kerajaan China untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan keyakinan

pelabur global, Georgieva berkata bahawa beliau percaya gabungan kekuatan pasaran dengan pengaturan sumber akan dapat meningkatkan produktiviti modal dan produktiviti kerja supaya merangsang pertumbuhan ekonomi.

"China kini sedang beralih daripada pembangunan pesat ke pembangunan bermutu tinggi. Saya dimaklumkan dari kumpulan pemimpin China bahawa negara ini berazam untuk memperkasakan pembaharuan dan ini sudah pasti akan membawa semula kemakmuran dan pembangunan kepada rakyat," kata Georgieva. - ©BERNAMA



PENDAFTARAN LARIAN HARI OLIMPIK 2024 DILANJUTKAN

Siaran Akbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Mei. - Dengan sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai, Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan sukacitanya ingin mengumumkan bahawa tempoh

pendaftaran Larian Hari Olimpik 2024 adalah dilanjutkan selama dua hari iaitu pada Selasa, 28 Mei dan Rabu, 29 Mei 2024.

Ini adalah disebabkan dengan jumlah pendaftaran sudah pun mencecah 1,000

peserta pada hari pertama pendaftaran. Walau bagaimanapun, bagi memastikan peluang yang adil untuk semua individu yang berminat, hanya 400 peserta terawal sahaja yang boleh mendaftar setiap hari.

Bagi mereka yang masih belum mendaftar dalam acara menarik ini, pendaftaran akan diteruskan untuk dua hari akan datang,

dengan slot tersedia atas dasar siapa cepat dia dapat (*first-come, first-served basis*).

Pendaftaran bermula pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari kemudian disambung pada pukul 2.00 petang hingga 4.30 petang pada Selasa, 28 Mei dan Rabu, 29 Mei di Bilik 13, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Daerah Brunei dan Muara.

Kejohanan Renang Perairan Terbuka Festival ASEAN NX113 berlangsung Ahad ini

KUALA LUMPUR, 28 Mei. - Kejohanan Renang Perairan Terbuka Festival ASEAN NX113 bakal berlangsung di Kompleks Sukan Air Putrajaya (KOSA) pada Ahad ini.

Kejohanan julton kali diadakan itu mempertandingkan tiga acara iaitu 400 meter (m), 5 kilometer (km) dan 1.5km bagi kategori lelaki dan wanita.

Dikelolakan oleh Hammersmith (M) Sdn. Bhd. dengan kerjasama ASEANHUB Sdn. Bhd., kejohanan itu berjaya menarik penyertaan beberapa negara termasuk Hong Kong, Indonesia, Taiwan dan Thailand.

Pengerusi Hammersmith, Barry Lee dalam kenyataan berkata kejohanan yang diiktiraf Persatuan Renang Amatur Kuala Lumpur selain turut disokong Kementerian Belia dan Sukan (KBS) itu bertujuan mempromosikan sukan renang perairan terbuka kepada orang ramai.

"Menerusi kerjasama dengan KBS, kejohanan ini diharap dapat memupuk minat orang ramai dan mencungkil bakat bahru untuk diketengahkan sekali gus melahirkan lebih ramai jaguh renang perairan terbuka," katanya.

Setiausaha Kehormat Persatuan Renang Amatur Kuala Lumpur, Mae Chen berkata penganjuran acara itu memberi kesempatan untuk sukan berkenaan mendapat pendedahan sebaiknya, apatah lagi ia merupakan acara di Sukan Olimpik.

"Kami mengharapkan kejohanan ini akan menjadi medan untuk para perenang mempamerkan kehebatan masing-masing dan bersaing sesama mereka dalam persekitaran yang selamat," katanya.

Pada kejohanan itu, cabaran Malaysia akan diketuai jaguh renang perairan terbuka Chelsea Ning yang melakar sejarah menjadi wanita Malaysia pertama melengkapkan renangan ultra maraton sepanjang 33km di Perancis dengan menduduki tempat keenam pada Jun tahun lepas.

Atlet berusia 19 tahun itu yang bercita-cita beraksi di Olimpik juga membanggakan Malaysia selepas menjuarai kategori Bawah 16 hingga 19 Tahun di kejohanan 3.8KM Middle Island Challenge di Hong Kong pada 16 Mei lepas. - ©BERNAMA

Daya ketahanan mental lebih baik daripada sebelum ini - Azizulhasni

KUALA LUMPUR, 28 Mei - Jaguh berbasikal trek negara, Datuk Mohd Azizulhasni Awang yakin bahawa daya ketahanan mentalnya jauh lebih kuat berbanding sebelum ini ketika bersiap sedia menyertai temasya Sukan Olimpik Paris 2024 pada Julai ini.

Walaupun terdapat keraguan oleh beberapa pihak selepas menjalani pembedahan jantung terbuka pada tahun 2022, beliau percaya bahawa keadaan daya ketahanan mentalnya meningkat dengan ketara selepas mengharungi detik yang mencabar dalam kerjayanya.

Azizulhasni yang diberi julukan The Pocket Rocketman menetapkan sasaran untuk memenangi emas di Olimpik Paris pada penampilan terakhirnya dan kelima di temasya terbesar dunia itu.

"Kekuatan mental sudah mantap sebelum ini tetapi selepas mengharungi proses (pembedahan jantung), ia bertambah lebih mantap."

"Jika anda mempunyai minda dan badan yang kuat...sebarang kesukaran atau cabaran yang menghadapi saya sekarang bukanlah apa-apa," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada pelancaran menu bertemakan Olimpik di restoran Jepun terkenal Nobu di sini hari ini.

Pelumba kelahiran Dungun, Terengganu berusia 36 tahun itu menjalani pembedahan jantung terbuka susulan mengalami masalah jantung jarang ditemui dikenali sebagai arteri koronari kanan yang menyalur dari arota di posisi jangkal (AAORCA) di Hospital Epworth Richmond di Melbourne, Australia pada April 2022.

Azizulhasni mengakui bahawa beliau sangat terkejut dengan prestasinya pada pertandingan semasa kerana pada mulanya menjangkakan penurunan prestasi apabila mencapai usia pertengahan 30-an.

"Semasa latihan di gimnasium, saya masih berasa kuat.. Kami mempunyai data yang boleh menjelaki segala-galanya, termasuk kuasa dan kelajuan saya dan jurulatih (John Beasley) juga terkejut (hasilnya)," katanya.

Pemenang pingat gangsa di Olimpik Rio 2016 dan perak di Olimpik Tokyo 2020 dalam acara keirin berkata sistem sokongan kuat daripada keluarga, pasukan dan rakyat Malaysia adalah sebab mengekalkannya dan menjadikannya lebih kuat apabila bersaing di trek.

Beliau juga berkongsi bahawa Pengarah Sukan Kardiovaskular dan Kecergasan merangkap Pakar Perunding Kanan Bedah Institut Jantung Negara (IJN), Datuk Seri Dr Jeffrey Jeswant Dillon akan mengiringinya ke Paris bagi memantau kesihatannya sepanjang Sukan Olimpik 2024.

"Dr Jeffrey Jeswant akan bersiap sedia di Paris. Ia sangat penting bagi saya untuk berasa selesa dan selamat jika berlaku apa-apa perkara," kata juara dunia keirin 2017 itu.

Dr. Jeffrey, yang bekerjasama dengan pakar bedah Australia, Dr. Aubrey Almeida, memainkan peranan penting dalam 'menyelamatkan nyawa Azizulhasni' semasa pembedahan jantung terbuka di Melbourne.

Sukan Olimpik Paris 2024 akan bermula pada 26 Julai hingga 11 Ogos ini. - ©BERNAMA

BAJC 2024 : Roslie, Xin Yee ketuai cabaran Malaysia di Yogyakarta

KUALA LUMPUR, 28 Mei. - Roslie Razeeq Danial (lelaki) dan Ong Xin Yee (wanita) yang merupakan juara Bawah-18 Kebangsaan akan mengetuai cabaran Malaysia ke Kejohanan Badminton Remaja Asia (BAJC) 2024 di Yogyakarta, Indonesia dari 28 Jun hingga 7 Julai.

Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan Roslie dan Xin Yee, merupakan antara 22 pemain badminton

negara yang terpilih mewakili negara ke BAJC 2024, yang antara lain turut disertai Sng Wei Xing (perseorangan lelaki), Aaron Tai-Kang Khai Xing (beregu lelaki) dan Siti Zulaikha Azmi (perseorangan wanita).

Timbalan Presiden 1 BAM Datuk V. Subramaniam yang mengumumkan nama pemain hari ini turut mengucapkan tahniah kepada mereka yang terpilih.

"Pemain yang terpilih ini berpeluang

untuk buktikan diri mereka berhadapan pemain-pemain Asia pada pertandingan tahap tinggi," katanya.

Senarai penuh pemain remaja Malaysia ke BAJC 2024 :

Perseorangan Lelaki : Roslie Razeeq Danial, Sng Wei Ming, Kong Zhou Swin, Muhammad Faiq Masawi

Perseorangan Wanita : Ong Xin Yee, Siti Zulaikha Azmi, Oo Shan Zi, Dania Sofea Zaidi

Beregu Lelaki : Aaron Tai, Kang Khai Xing, Lok Hong Quan, Goh Yi Qin, Loh Zhi Heng, Tan Zhi Yang, Redzuan Ahmad, Isyraf Hafizin

Beregu Wanita : Carmen Ting, Nicole Chau, Tan Zhing Hui, Clarissa San, Noraqilah Maisarah Ramdan

Beregu Campuran : Lok Hong Quan, Goh Yi Qin, Clarissa San, Dania Sofea Azidi, Noraqilah Maisarah Ramdan, Datu Anif Datu Asrah. - ©BERNAMA